



Pada Ogos yang lepas 12 parti-parti pembangkang yang terdiri dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang), Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA), Parti Rakyat India Malaysia (MIPP), Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa), Parti Sosialis Malaysia (PSM), Parti Kemajuan Malaysia (MAP), Parti Perikatan India Muslim Nasional (IMAN) dan Urimai (Bersepakat Hak Rakyat Malaysia)—organisasi yang belum didaftarkan secara rasmi sebagai parti, telah mengadakan pertemuan.

Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin yang telah mengumpulkan parti-parti pembangkang berkata tujuan pertemuan diadakan untuk menubuhkan sebuah gabungan longgar bagi memperjuangkan isu rakyat yang didakwa gagal ditangani Kerajaan Madani. Termasuk janji reformasi yang masih belum dilaksanakan. Parti Islam Se-Malaysia (PAS) walaubagaimanapun tidak menghantar wakil dalam pertemuan. Langkah-langkah politik ini juga dapat dilihat melalui perhimpunan #turunAnwar yang dianjurkan oleh parti pembangkang Julai yang lalu.

PERMAINAN POLITIK ELIT

Setelah melalui 15 kali pilihan raya umum dalam negara, pada tahap ini, rakyat biasa dan kelas pekerja harus mengambil posisi skeptikal dalam mana-mana pertubuhan dan janji yang ditaburkan oleh parti-parti politik dalam negara. Tumbangnya UMNO dan menangnya Pakatan Harapan pada 2018 adalah disebabkan janji yang ditaburkan kepada rakyat biasa. Dan sehingga hari ini kerajaan Anwar Ibrahim yang telah diberi mandat tidak menunaikan satupun janji malah dilupakan.



Kehidupan rakyat biasa dan kelas pekerja juga tidak merasakan apa-apa perubahan yang benar-benar signifikan. Malah di 'hadiahkan' dengan pemotongan dan penstrukturan semula subsidi serta pelantikan jawatan menteri yang korup seperti Zahid Hamidi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Tun Musa Aman sebagai TYT. Malah situasi ekonomi pada hari ini berada dalam keadaan stagnan atau pegun bagi kelas pekerja dan golongan miskin. Bermaksud walaupun gaji minimum mengalami peningkatan, tetapi harga barangan asas seperti makanan meningkat.

Kerajaan perpaduan yang dipimpin Anwar pada dasarnya tidak ada beza berbanding kerajaan UMNO bagi kelas pekerja dan miskin. Mungkin sedikit berbeza dari segi retorik seperti pelancaran cukai SST Julai lalu yang kononnya menyasarkan golongan kaya. Juga sikap Anwar yang kononnya lebih terbuka untuk membenarkan rakyat berprotes dalam himpunan #turunAnwar Julai lalu.

GABUNGAN PARTI PEMBANGKANG TIDAK AKAN MAMPU MEMBAWA PERUBAHAN UNTUK RAKYAT

BINA PARTI PEKERJA MASSA YANG DEMOKRATIK, DIPIMPIN OLEH KELAS PEKERJA

oleh Qira



Namun asas ekonomi dan perlembagaan undang-undang negara yang menindas perjuangan rakyat masih kekal. Seperti akta universiti dan kolej 1971 yang menyekat penglibatan mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti politik atau kesatuan sekerja dan juga akta hasutan yang dahulunya PH berjanji untuk hapuskan.

KRISIS KEPIMPINAN POLITIK

Pada dasarnya, politik negara sedang mengalami krisis kepimpinan. Ini berkait rapat dengan situasi ekonomi global yang memberi kesan pada ekonomi dalam negara. Perang di Ukraine yang menyebabkan laluan-laluan utama perdagangan laut tersekat dan perjalanan yang lebih panjang, menyebabkan kelas pemodal di seluruh dunia meningkatkan harga barangan untuk menampung kos perjalanan.

Juga perang dagang AS dan

China yang melihatkan AS mengenakan tarif ke atas negara-negara yang dikatakan tidak bersekutu dan mempunyai defisit perdagangan. Termasuk kebangkitan massa terhadap perang yang sedang berlaku di Gaza telah mendedahkan sistem kapitalisme negara yang terintegrasi dan bersekongkol dengan kapitalis AS dan Israel.

Atas persoalan-persoalan ini, parti-parti pembangkang harus membawa sebuah kejelasan dan politik alternatif kepada rakyat yang sudah muak dengan politik elit yang penuh dengan janji palsu dan menenggelamkan suara kegelisahan rakyat dengan mengetengahkan isu-isu reformis berbanding isu kelas pekerja dan golongan miskin seperti gaji minimum dan krisis sistem kesihatan.

Perhimpunan #turunAnwar yang diadakan pada Julai yang lalu misalnya, walaupun mengangkat isu tekanan ekonomi, seperti pemotongan subsidi dan kos sara

hidup, bersama dengan beberapa tuntutan penggubalan akta seperti akta pembaharuan bandar (URA; *Urban Renewal Act*). Namun kelas pekerja dan rakyat biasa wajar bertanya apakah jaminan tuntutan yang disenaraikan bukan sekadar isu yang 'ditunggang'?

Seperti mana Pakatan Harapan menunggang isu kos sara hidup dengan menabur janji untuk meningkatkan gaji minimum ke RM 1800, mansuh PTPTN dan tol. Apakah mekanisme perjuangan yang membezakan parti-parti pembangkang dan kerajaan perpaduan pimpinan Anwar Ibrahim?

Parti PAS misalnya walaupun sering menggunakan retorik bahawa kerajaan persekutuan menganak tirikan negeri-negeri pembangkang seperti Kelantan, Kedah dan Terengganu namun ini hanyalah retorik parti-parti reformis dan elit.

Pembalakan haram yang berleluasa di negeri Kelantan sehingga

menyebabkan banjir dan semakin teruk saban tahun, adalah disebabkan kerajaan negeri sendiri yang meluluskan projek pembalakan atau gagal mengambil inisiatif untuk menyelesaikan isu berkaitan pembalakan dan banjir – ini tertakluk dalam perlembagaan negara bagi kerajaan negeri untuk urusan tanah dan pembalakan. Begitu juga Muhyiddin Yassin yang menjadi perdana menteri tanpa melalui pilihan raya dalam taktik permainan politik 'langkah Sheraton'. Termasuk parti MUDA yang tidak pernah membangkitkan isu anak muda seperti janji PH untuk memberikan pendidikan percuma dan mansuh PTPTN.

BINA PARTI PEKERJA MASSA UNTUK SEBUAH PERJUANGAN POLITIK RAKYAT DAN PERUBAHAN YANG BERMAKNA

bersambung ke mukasurat sebelah

sambungan dari muka sebelum

Semua pertubuhan akar umbi dan organisasi perjuangan anak muda, kelas pekerja dan rakyat biasa harus datang bersama bagi membina sebuah kepimpinan politik yang membawa alternatif ekonomi dan mengangkat aspirasi rakyat tertindas.

Parti politik elit yang wujud pada waktu ini tidak akan mampu untuk membawa sebuah perubahan yang progresif, mahupun memberikan kejelasan terhadap sistem kapitalisme yang menjadi punca semua krisis yang wujud.

Sama ada kemiskinan mahupun kemusnahan alam, sistem kapitalisme yang tidak dirancang

untuk kepentingan umat manusia tetapi untuk keuntungan dalam pasaran bebas yang hanya membolehkan segelintir kapitalis harus dihapuskan dan digantikan dengan sistem yang dirancang oleh kelas pekerja untuk kepentingan semua.

Sistem ekonomi sosialisme, yang memberikan kawalan

ekonomi kepada kelas pekerja dan majoriti rakyat biasa merupakan satu-satunya alternatif yang boleh menggantikan sistem kapitalisme yang dikawal oleh segelintir minoriti kaya.

Walaupun sebuah program yang berpihak kepada rakyat boleh di bina oleh kepimpinan politik, tetapi, tanpa membawa

perspektif untuk menggantikan sistem ekonomi kapitalisme kepada sistem sosialisme, dipimpin oleh kelas pekerja dan rakyat biasa secara demokratik, semua program tersebut tidak akan berjaya dicapai. ■

Inflasi Meningkat, Gaji Kekal Rendah

Tingkatkan Gaji Minimum Sekarang!

oleh Sidang Editorial



Kelas pekerja sedang ditimpa musibah sosio-ekonomi yang semakin teruk. Inflasi telah menyebabkan kelas pekerja di Malaysia bergelut menghadapi kenaikan harga barangan asas. Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Marzunisham Omar menyatakan bahawa kelas pekerja membelanjakan 52% daripada pendapatan mereka untuk keperluan asas. Walaupun kerajaan mengumumkan kadar inflasi di Malaysia telah menurun kepada 1.8% pada 2024 (daripada 2.5% tahun sebelumnya), namun harga barang terus meningkat. Indeks Harga Pengguna (CPI) naik daripada 130.4 kepada 132.8, menandakan ketidakmampuan rakyat untuk terus membeli komoditi yang dihasilkan. Harga barang keperluan asas seperti makanan, sewa rumah, dan keperluan harian tidak pernah berhenti meningkat. Contohnya, sejak 2010, harga ikan dan makanan laut meningkat sebanyak 3.6% setahun, sayur-sayuran 3.2%, dan susu serta telur pula meningkat sebanyak 2.7%.

Malangnya, kenaikan gaji pekerja tidak mengikuti kadar inflasi dan kenaikan kos hidup. Kajian Institut Khazanah menunjukkan bahawa gaji purata pekerja di Malaysia hanya meningkat RM 56 setahun sepanjang 30 tahun. Manakala hampir 60% graduan dari universiti masih menerima gaji di bawah RM 2,000 walaupun sudah bekerja lebih sedekad.

Baru-baru ini, bekas Gabenor Bank Negara mengakui bahawa dengan inflasi purata 5% setahun, gaji permulaan yang selayaknya diberikan adalah sekitar RM 7,000 hingga RM 8,000 se-

bulan. Sebaliknya, ramai pekerja masih bergelut dengan gaji antara RM2,000 hingga RM3,000. Malah, paras garis kemiskinan di Malaysia berada pada RM 2,500. Ini bermakna kebanyakan kelas pekerja hanya menerima gaji yang cukup makan dan tidak berkemampuan untuk melakukan hal-hal lain. Di suatu sudut yang bertentangan pula, penumpuan kekayaan di kalangan kelas kapitalis meningkat secara ekstrem. Jumlah kekayaan bagi lima puluh orang terkaya di Malaysia menyaksikan peningkatan melebihi 80%. Jurang kekayaan yang ekstrem ini bukanlah sebuah kesilapan di dalam sistem ekonomi kapitalisme, yang boleh dibaiki secara adil dan saksama, namun ianya merupakan sebahagian daripada logik ekonomi itu sendiri.

Jurang yang melebar antara pendapatan pekerja dan kekayaan kapitalis bukan sahaja mencerminkan ketempangan dalam pengagihan ekonomi, tetapi turut mendedahkan kelemahan struktur dasar seperti gaji minimum yang terdedah kegagalannya untuk mengimbangi realiti kehidupan sebenar kelas pekerja—khususnya mereka yang hidup di bandar-bandar utama di Malaysia. Gaji minimum yang baru ditetapkan hanya dinaikkan ke RM 1,700 dan masih jauh dari cukup untuk menampung kehidupan kelas pekerja—terutamanya di kawasan bandar utama seperti Kuala Lumpur dan Selangor. Menurut laporan Indikator Kos Sara Hidup 2023 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Selangor dan Kuala Lumpur merupakan kawasan yang paling mahal un-

tuk menjalani kehidupan yang wajar. Di Kuala Lumpur, seorang individu memerlukan sekurang-kurangnya RM 1,755 sebulan untuk menampung keperluan asas, manakala di Selangor pula, angka ini mencecah RM 1,630. Tambahan lagi, kos isi rumah di Selangor, yang mempunyai purata 3.8 orang anggota, mencecah setinggi RM 5,854 perbelanjaan sebulan, jumlah yang tertinggi di Malaysia. Kos kehidupan yang jauh lebih tinggi ini terserlah apabila kita bandingkan dengan gaji median individu di Selangor yang hanya RM 2,900 pada suku ketiga 2023—menjadikan pendapatan dua orang dewasa dalam isi rumah ini tidak mencukupi untuk menampung kos kehidupan yang wajar. Akibatnya, ramai pasangan dengan dua anak hanya mampu hidup cukup makan atau terpaksa mencari kerja sampingan bagi menampung perbelanjaan.

Sementelah kos ini tidak pula mengambil kira beban-beban dan tanggungan lain seperti hutang rumah, kereta dan pendidikan. Walaupun perlaksanaan gaji minimum ini jauh dari memuaskan bagi kelas pekerja, namun kelas kapitalis dan perwakilannya masih menentang peningkatan gaji ini. Ini menunjukkan bagaimana kepentingan kelas kapitalis, bertentangan dengan kelas pekerja. Realitinya, inflasi adalah hasil keputusan politik-ekonomi yang mengutamakan keuntungan korporat berbanding keperluan rakyat. Ketika pandemik COVID-19, bank-bank pusat mencetak wang dalam jumlah besar, bukan untuk membantu pekerja atau mengembangkan sektor penge-

luaran, tetapi menyelamatkan syarikat gergasi dan pasaran kewangan. Contohnya, Bank Negara Malaysia telah melonggarkan peraturan kewangan dan telah melepaskan lebih kurang RM 30 billion ke dalam sistem perbankan. Ini disamping hutang negara yang kini mencecah RM 1.38 trilion, merangkumi lebih 70% daripada saiz ekonomi. Tanda-tanda yang sudah pun kita nyatakan—gaji yang tidak meningkat, harga barang yang terus melonjak naik, dan kadar pemberhentian kerja yang meningkat (dari 14.9% ke 16.2% tahun lalu) menunjukkan bahawa kelas pekerja terus menerus menanggung kesengsaraan sistem ekonomi yang menindas mereka.

Langkah ini mengutamakan kestabilan pasaran kewangan berbanding sokongan langsung kepada pekerja atau sektor pengeluaran. Akibatnya, nilai wang terus merudum dan kuasa beli kelas pekerja terus merosot, manakala kelas kapitalis dan spekulator tetap memperoleh keuntungan yang berganda. Di samping itu juga, gangguan rantai bekalan global dan konflik geopolitik seperti perang di Ukraine turut menyumbang kepada kenaikan harga tenaga dan makanan. Hal ini walaupun diakui oleh syarikat-syarikat besar dan kerajaan, mereka tetap mencampakkan beban ke atas kelas pekerja dengan pemotongan gaji untuk menjimatkan kos dan menaikkan harga secara berlebihan serta memanipulasi inflasi demi mengaut keuntungan yang melebihi kos sebenar.

Kos kehidupan terus meningkat tanpa adanya peningkatan gaji. Hal ini juga melebarkan lagi jurang kekayaan sedia ada dan mendedahkan kebusukan dan percanggahan sistem ekonomi kapitalisme: di satu sudut, kelas kapitalis mendapat keuntungan dan kekayaan manakala di sudut yang bertentangan, kelas pekerja menjadi semakin papa kedana.

Penyelesaian tuntas kepada krisis inflasi tidak hanya dapat diselesaikan melalui pengawalan harga semata-mata. Ia menuntut penggantian sistem kapitalisme yang berasaskan keuntungan—kepada sistem sosialisme yang berasaskan keperluan kelas pekerja. Kapitalisme bukan sahaja gagal menyelesaikan masalah inflasi, malah menggunakan krisis ini untuk terus mengeksploitasi dan memperkayakan diri mereka. Naratif yang dibawa oleh kelas kapitalis hanyalah untuk mengekalkan status quo yang membolehkan mereka untuk terus menerus mengaut keuntungan luar biasa, manakala kelas pekerja menanggung beban akibat dasar-dasar yang mereka tentukan.

Dalam konteks ini, kerajaan yang secara terang-terangan menjadi alat kelas kapitalis tidak akan tunduk kepada tuntutan pekerja kerana sebarang bentuk persetujuan pasti akan mengugut keuntungan dan kestabilan mereka.

Oleh yang demikian, sebuah perjuangan yang berasaskan politik kelas pekerja harus dibina secara demokratik oleh kepimpinan

dikalangan kelas pekerja sendiri. Hanya politik kelas pekerja yang mampu mencantas agenda kelas kapitalis dan mempunyai kemahuan politik untuk benar-benar membahagikan ekonomi secara adil dan menghapus agenda keuntungan dalam sistem ekonomi negara.

Kami menuntut kenaikan gaji minimum yang setimpal dengan kos kehidupan masa kini, iaitu, RM 20 sejam untuk semua pekerja, termasuk pekerja migran—sebagai langkah awal bagi mengurangkan beban inflasi dan meningkatkan taraf hidup kelas pekerja secara am. Perjuangan ini hanya dapat dimenangi melalui pembinaan kuasa politik yang independen oleh kelas pekerja. Kelas pekerja mempunyai kemampuan bagi memastikan inflasi dapat dikawal sebaiknya dan tidak akan membebankan kelas pekerja.

Kami, Sosialis Alternatif berjuang untuk sebuah penubuhan Jawatankuasa Pekerja yang independen dan bebas daripada pengaruh kelas kapitalis sebagai asas pembinaan Parti Pekerja massa yang demokratik dan bersifat akar umbi serta dipimpin oleh kepimpinan dari kelas pekerja sendiri. Melalui penubuhan organisasi pekerja yang demokratik, kelas pekerja dari semua sektor dan juga industri-industri penting mempunyai kuasa politik untuk memansuhkan sebarang agenda kapitalis untuk mengaut keuntungan dari kelas pekerja seperti penindasan gaji minima. Hanya melalui pengurusan di bawah kawalan kelas pekerja motif dan hala tuju ekonomi akan dapat dipastikan sepenuhnya berasaskan keperluan kelas pekerja.

Parti ini bukan sahaja menjadi jentera bagi memperjuangkan tuntutan segera seperti gaji, hak pekerja, dan kawalan harga barang, tetapi juga sebagai alat untuk menyusun perjuangan ke arah pengambilalihan kuasa politik kelas kapitalis oleh kuasa politik kelas pekerja. Langkah ini berkait rapat dengan keperluan untuk memiliknegerakan industri-industri utama seperti sektor perkilangan, perkhidmatan awam seperti kesihatan dan kewangan.

Tanpa kawalan terhadap pengeluaran dan pelaburan, kelas kapitalis akan terus menggugat sebarang langkah yang diambil oleh kelas pekerja—misalnya tindakan kelas kapitalis untuk menutup kilang dan membawa modal keluar negara; ini mampu dibantah dengan kawalan demokratik ke atas ekonomi yang diuruskan oleh kelas pekerja. Malah ini adalah syarat asas bagi menjamin kestabilan dan kesejahteraan rakyat.

Akhir kata, tindakan-tindakan dan juga program yang telah kami nyatakan ini, bukanlah sebuah penyelesaian yang dengan sendirinya dapat menghapuskan krisis yang sedang kita hadapi.

Kejahatan dan kemelaratan realiti di bawah kapitalisme ini berhubung rapat dengan keperluan perubahan struktur ekonomi yang lebih demokratik—iaitu sistem ekonomi sosialisme yang dikawal dan diurus oleh kelas pekerja secara demokratik. ■

Kongres Dunia CWI yang ke-14 Disertai Kepimpinan Kesatuan dan Sosialis dari Serata Dunia

Sosialis Alternatif Menghantar Dua Delegasi

oleh Sosialis Alternatif dan Solidariti Pekerja



Gambar: Socialistworld

Pada 27 Julai hingga 31 Julai yang lalu, Sosialis Alternatif Malaysia telah menghantar 2 ahli untuk menghadiri Kongres Dunia ke-14 *Committee for a Workers International* (CWI) yang diadakan di Berlin.

Kongres telah menghimpunkan delegasi, *ex-officio*, dan tetamu dari seluruh dunia. Terdapat 24 delegasi, 28 wakil *ex-officio*, 28

tetamu CWI, dan 14 pelawat dari organisasi sosialis lain.

Komrad dari Australia, Jepun dan negara lain yang tidak dapat hadir secara fizikal telah menyertai kongres melalui Zoom.

Kongres telah diadakan dengan jayanya, dengan perbincangan politik yang meluas daripada komrad yang sedang berjuang dalam perjuangan di negara masing-masing.

ing-masing.

PERSPEKTIF DUNIA

Kongres dimulakan dengan memperingati rakan seperjuangan CWI yang baru sahaja meninggal dunia, termasuk Peter Taaffe dan Lynn Walsh, yang kedua-duanya memainkan peranan penting dalam CWI selama be-

berapa dekad dengan berdamai sejenak. Sesi perbincangan pertama memberi tumpuan krisis sistem kapitalisme dalam era baru dan perjuangan untuk sosialisme.

Perbincangan ini didahului oleh Tony Sauniois, dengan sumbangan daripada rakan seperjuangan di seluruh Eropah, benua Amerika, Asia, dan Afrika, Afrika Selatan, Israel-Palestin, Sri Lanka, Malaysia, Ireland, Austria, Scotland, England dan Wales, AS, India, dan Kazakhstan.

Bob Labi kemudian memberikan kesimpulan dan jawapan kepada perbincangan tersebut.

GAZA

Perbincangan kemudian diikuti dengan konflik di Timur Tengah dan perang di Gaza. Judy Beishon telah mendahului perbincangan.

Komrad daripada Israel-Palestin telah memberikan intervensi yang amat penting dalam perbincangan – keperluan menekankan analisa sosialis terhadap situasi konflik di Gaza dan Timur Tengah, dan perlunya penyelesaian sosialis untuk menggantikan sistem kapitalisme yang tidak mampu memberikan sebarang solusi terhadap konflik dan peperangan.

AFRIKA DAN ASIA

Dalam perbincangan mengenai Afrika dan Asia, komrad dari Nigeria, Afrika Selatan, Perancis, Sri Lanka, Pakistan, India, dan lain-lain berkongsi pandangan mengenai krisis dalam sistem kapitalisme dan perjuangan pekerja.

Bob Labi mendahului perbincangan Afrika dan Senan mendahului sesi mengenai Asia. Hari

ketiga Kongres diakhiri dengan sesi memperingati Peter Taaffe.

Komrad dari Sri Lanka, Afrika Selatan, Britain, Ireland, Perancis, dan Sekretariat Antarabangsa CWI telah memberi penghormatan kepada legasinya dengan memberikan ucapan mengenai perjuangan Peter Taaffe yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam perjuangan CWI.

Hari keempat memberi tumpuan kepada 'Pembinaan CWI' dengan sumbangan daripada rakan seperjuangan di seluruh benua.

Sesi ini didahului oleh Sean Figg kemudian disimpulkan oleh Sascha Stanicic.

EROPAH

Hari kelima bermula dengan perbincangan Kongres mengenai perspektif Eropah. Niall Mulholland memperkenalkan perbincangan ini.

Komrad dari Austria, Israel-Palestin, England dan Wales, Ireland, Sweden, Perancis, Jerman, Romania, Belanda, Norway, dan Scotland memberikan sumbangan kepada perbincangan. Perbincangan kemudian disimpulkan oleh Hannah Sell.

Satu Jawatankuasa Eksekutif Antarabangsa yang baru telah dipilih oleh Kongres bersama dengan badan antarabangsa lain. Kongres Dunia ke-14 kemudian akhiri dengan nyanyian *The Internationale*, lagu sosialis yang melambangkan perpaduan, internasionalisme, dan komitmen kepada perjuangan sosialis. ■

Kelas pekerja di Malaysia kini berada dalam kemelut demi kesinambungan hidup dalam krisis ekonomi kapitalisme global yang semakin ketara.

Inflasi melonjak, upah kekal rendah, perlindungan sosial yang tidak stabil, dan beban sara hidup yang semakin meningkat. Namun, dalam suasana genting ini, institusi yang sepatutnya menjadi pembela utama kelas pekerja, iaitu Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), terus tenggelam dalam kemelut dalaman yang memalukan.

Pada 4 Februari 2025, akhbar New Straits Times melaporkan bahawa MTUC kini dipimpin oleh Presiden Memangku, Datuk Dauzkaply Nor Ghazali dan Setiausaha Agung, Kamarul Bahrain.

Mereka telah memecat bekas Presiden Effendy Abdul Ghani, serta melarang beliau daripada mewakili MTUC dalam sebarang kapasiti perwakilan atau bertanding jawatan. Namun, tindakan ini mencetuskan dakwaan balas oleh Effendy yang mendakwa pemecatan tersebut tidak sah, serta beliau masih Presiden sah MTUC. Pertikaian ini hanyalah satu episod terkini dalam sejarah panjang kecelaruan kepimpinan MTUC.

Sejak tahun 2018, pertelingkahan antara Presiden ketika itu Abdul Halim Mansor dan Setiausaha Agung J. Solomon melibatkan campur tangan politik luar dan tuntutan mahkamah. Pilihan raya Presiden 2019 menyaksikan keputusan seri antara Halim dan Mohd Jafar Majid yang berlarutan hingga 2022. Pada 2023, Mahkamah Tinggi Shah Alam mengisytiharkan persidangan pemilihan MTUC 2022 sebagai tidak sah kerana melanggar per-

lembagaan kongres. Rentetan itu, Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 27 September 2023 mengeluarkan perintah melarang MTUC membuat sebarang keputusan dasar termasuk pengisian jawatan kosong, perubahan polisi, atau sebarang tindakan organisasi yang melibatkan mandat dasar.

Dalam bahasa mudah, MTUC telah dilumpuhkan secara sah dari segi undang-undang, sekaligus menyebabkan kapal yang seharusnya menggerakkan perjuangan pekerja melalui tuntutan dan rundingan kolektif, sedang terumbang-ambing tanpa nak-hoda untuk memimpin.

Ketika kelas pekerja sedang terdesak akibat tekanan ekonomi dan sosial, mereka kini terbiar tanpa institusi kukuh yang boleh menyuarakan tuntutan dan memperjuangkan hak-hak mereka.

Namun, kekosongan ini telah diambil kesempatan oleh pihak Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Mereka telah tampil sebagai pemain dominan dalam hubungan industri dan perundingan dasar antara syarikat.

Mereka giat melobi kerajaan, mencadangkan polisi yang jelas memihak kepada kepentingan kelas kapitalis. Antaranya, mereka menolak pelaksanaan kerja dari rumah (WFH) dan mendesak agar pekerja kembali bekerja di pejabat sepenuhnya. MEF juga mengambil alih peranan dalam dialog sosial tripartit (antara majikan, kerajaan dan pekerja), menekan kerajaan dalam isu dasar gaji minimum, memohon agar meningkatkan kemasukan buruh migran untuk menjimatkan kos operasi demi keuntungan mereka, dan mencadangkan insentif kepada majikan — bukan kepada pekerja.

Dalam keadaan MTUC yang lumpuh ini, suara pekerja semakin senyap, dan semakin diketepikan. Lebih parah, kadar kesatuan sekerja yang aktif terus merosot. Kadar penyertaan pekerja yang sudah pun menurun sejak tahun 1970an dengan hanya 20% penyertaan disebabkan penswastaan dan kekangan undang-undang kerajaan melalui 'union busting', menjelang tahun 2000, kadar itu merosot secara drastik dengan kini hanya sekitar 6.2% penyertaan.

Ini merupakan petunjuk yang amat membimbangkan bagi masa depan gerakan pekerja di Malaysia.

Namun, masalah sebenar bukan semata-mata pada struktur undang-undang, birokrasi, atau tekanan politik. Masalah sebenar adalah krisis kepimpinan.

Dalam Program Transisional yang ditulis oleh Leon Trotsky (pemimpin gerakan pekerja dalam membentuk kerajaan pekerja di Rusia, Eropah dan sedunia di Rusia 1917) pada 1938, beliau menegaskan pentingnya kepimpinan pekerja untuk melihat kekuatan mereka sendiri sebagai pemimpin masyarakat untuk membawa perubahan yang kekal menentang kehendak kelas kapitalis yang hanya mementingkan keuntungan melalui eksploitasi kelas pekerja bukannya elit birokrat mahupun terperangkap dalam kerangka sistem yang mementingkan kelas kapitalis.

MTUC gagal menjadi kepimpinan tersebut. Ia gagal berfungsi sebagai barisan hadapan perjuangan kelas. Sebaliknya, MTUC berfungsi seperti yang diinginkan oleh penjajah British dan elit kapitalis — jinak, birokratik, dan jauh dari denyut nadi per-

Kelas Pekerja Terkapai dalam Lautan Krisis

MTUC Lumpuh, MEF Mengganas

oleh Z



Gambar: Free Malaysia Today

juangan akar umbi. Ditubuhkan pada 27-28 Februari 1949, MTUC adalah pengganti kepada PMFTU (*Pan-Malayan Federation of Trade Unions*) yang lebih militan dan berhaluan kiri.

Pemusnahan PMFTU dan penubuhan MTUC adalah sebahagian daripada strategi kolonial British untuk memadamkan semangat radikal kelas pekerja yang ketika itu memuncak.

Kelas pekerja tidak harus membiarkan agenda kelas kapitalis untuk terus melemahkan gerakan pekerja dengan birokrasi MTUC yang direstui dan dialu-alukan oleh kelas kapitalis untuk kepentingan mereka sendiri.

Penjajahan kini tidak hanya dalam bentuk ketenteraan, tetapi juga dalam bentuk ekonomi dan

institusi. Dan penjajah hari ini adalah syarikat multinasional, kapitalis tuan-tanah, serta birokrasi buruh seperti MTUC yang menjadi pembatas perjuangan pekerja.

Krisis kepimpinan dan platform perjuangan bagi kelas pekerja di Malaysia harus dicabar melalui pembinaan semula secara akar umbi dan demokratik di tempat-tempat kerja dan jalinan solidariti merentasi sektor serta kerakyatan pekerja.

Demi sebuah sistem masyarakat yang membela kepentingan hak pekerja yang terdiri dari 99% populasi rakyat berbanding 1% kelas kapitalis kaya yang mengeksploitasi pekerja.

Perjuangan kelas ini tiada siapa yang akan memperjuangkannya melainkan diri kita sendiri! ■

Cadangan penggubalan Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA) yang telah dibentangkan buat pertama kali pada 21hb Ogos yang lepas telah mencetuskan perdebatan hangat dan kontroversi. Akta ini kononnya dilihat sebagai satu-satunya jalan penyelesaian untuk ‘membangunkan atau menghidupkan semula’ perumahan di kawasan bandar yang sudah pun usang. Hal ini mempunyai kepentingan yang terselindung, bertujuan untuk merencanakan pembangunan hartanah premium di kawasan-kawasan yang dianggap sebagai kawasan ‘perumahan-perumahan lama’ yang usang dan terbengkalai.

Di bawah Akta Hakmilik Strata 1985, pihak berkuasa memerlukan persetujuan 100% daripada pemilik sebelum melakukan pembangunan semula ataupun membeli keseluruhan bangunan tersebut. Justeru apa yang ingin dilakukan oleh pihak kerajaan adalah untuk merendahkan syarat persetujuan tersebut ke tahap persetujuan yang lebih rendah: 80% untuk bangunan bawah 30 tahun, 75% untuk bangunan melebihi 30 tahun, dan hanya 51% untuk bangunan terbengkalai. Undang-undang ini ingin digubal supaya dapat memudahkan lagi proses untuk membeli bangunan-bangunan lama. Kemelut ini pada awalnya telah diperkenalkan di Pulau Pinang, di mana pada 2015, kerajaan negeri Pulau Pinang telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk menilai semula projek perumahan awam yang sudah usang, namun menjelang 2019, sebanyak 5,469 unit masih belum dapat diubah suai akibat kekeangan undang-undang sedia ada.

Ada tiga kategori utama yang akan diberi tumpuan di dalam akta yang dicadangkan, pertumbuhan semula (*regeneration*), pemulihan semula (*revitalisation*) dan juga pembangunan semula (*redevelopment*). Antara ketiga-tiga kategori ini, aspek pembangunan semula yang mencetuskan perdebatan hangat kerana ianya melibatkan proses merobohkan keseluruhan bangunan dan dibina semula bangunan baru, manakala kategori yang lain lebih tertumpu kepada aspek pemulihan struktur sedia ada, termasuk kawasan sekelilingnya. Kendatipun begitu, tidak ada jaminan bahawa akta ini akan cuba ‘membaik pulih’ bangunan perumahan lama dan meningkatkan lagi tahap kesele-

saan untuk penduduk asal, kerana semestinya hal ini akan memakan kos yang tinggi dan merugikan pihak kerajaan dan pihak swasta. Malah hal ini tidak akan memberi apa-apa manfaat kepada para pemilik hartanah dan pemaju yang menginginkan keuntungan yang maksimum melalui pembinaan perumahan yang lebih mewah dan lebih mahal harganya. Penggubalan ini secara utamanya bertujuan untuk memastikan bahawa kota-kota di Malaysia ini dapat ‘dibangunkan semula’ bersesuaian untuk menarik pelaburan yang lebih tinggi. Ternyata hak perumahan kelas pekerja dijadikan sebagai lubuk keuntungan dan komoditi untuk para spekulator dan pemaju.

Kerajaan telah mengenal pasti 534 tapak pembangunan semula berpotensi di Semenanjung Malaysia, 139 darinya berada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja. Keseluruhan kawasan ini merangkumi 13.4% daripada keluasan ibu negara dan berpotensi menyumbang kepada *Gross Development Value* (GDV) sebanyak RM 355.3 billion. Ya, begitu lah nilai keuntungan yang dapat dijana dan jumlah itulah yang menjadi motif buat kelas kapitalis yang ketika ini sedang menunggu peluang untuk mendapatkannya. Sektor perumahan merupakan komoditi yang boleh dibuat untung dan dirancakkan lagi di bawah era neoliberalisme yang memperluaskan sistem kredit bagi membina projek-projek perumahan yang mengutamakan keuntungan sahaja.

Kerajaan yang berpihak kepada kelas pekerja tidak akan akur kepada keperluan spekulasi harga tanah dan kepentingan pemaju. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa hak perumahan adalah hak asasi kelas pekerja dan golongan minoriti yang tertindas, bukannya dijadikan sebagai komoditi dan lubuk keuntungan. Bahkan hak perumahan yang selesa dan memudahkan kehidupan kelas pekerja adalah sebuah hal yang perlu dilindungi dan diutamakan oleh pihak kerajaan. Tambahan lagi, kelas pekerja yang dieksploiti dengan gaji yang kecil dan beban tanggungan yang besar tidak mempunyai kelebihan untuk mengeluarkan wang yang tinggi untuk menguruskan hal-hal perumahan. Kita sama sekali tidak boleh salahkan kelas pekerja atas

situasi rumah yang usang, kotor dan terbengkalai—sebaliknya hal ini merupakan tanggungjawab kolektif, terutamanya pihak kerajaan yang perlu melihat hal ini dari kacamata yang lebih sistemik. Celakalah para kelas penguasa yang merasakan golongan miskin kota ini tidak perlu dibela dan hanya melihat isu ini dari logik keuntungan modal semata-mata! Sesungguhnya kerajaan masa kini adalah kerajaan yang pro-kapitalis dan bukannya pro-pekerja!

Bahkan apakah jaminan bahawa kelas pekerja yang diberi pampasan ini dapat membeli ataupun menyewa di kawasan yang harganya sudah naik secara mendadak? Data menunjukkan harga rumah terus melambung naik. Tahun 2024 sahaja mencatatkan harga purata rumah sudah hampir RM 487,000 seunit. Pangapuri baru pula sudah setinggi RM 583,000! Harga yang bukan saja jauh dari kemampuan gaji pekerja, tetapi juga membebankan setiap keluarga yang mendapatkan jumlah pendapatan cukup makan sahaja. Begitulah tragedi kehidupan di era kapitalisme ini—lambakan rumah yang tak terjual kerana terlalu mahal untuk dibeli oleh majoriti kelas pekerja di Malaysia dan pihak kapitalis yang tamak haloba masih ingin ‘membangunkan’ perumahan usang atas dasar keuntungan dan bukannya keperluan.

Sosialis Alternatif dengan tegas berhujah bahawa penggubalan akta ini tidak menyentuh akar masalah yang sedang membelenggu kelas pekerja. Ianya bertujuan untuk merancakkan semula pembangunan hartanah di kota yang sudah tepu dengan bangunan-bangunan yang tidak terjual. Bahkan rumah-rumah yang tak terjual ini kekal sebagai spekulasi yang akan terus meningkatkan harga-harga rumah, melampaui harga kos sebenar. Kota-kota besar yang dibina dengan hasil titik peluh kelas pekerja dijadikan sebagai gelanggang perniagaan buat kelas kapitalis dan kawasan-kawasan mewah yang dibina disengajakan untuk menghalau dan meminggirkan kelas pekerja dan golongan miskin. Komuniti perumahan yang telah diperkukuhkan selama berdekad-dekad bakal dihancurkan tanpa sebuah usaha ataupun jaminan daripada pihak kerajaan. Kawasan perumahan bukan hanya sekadar aset sama-

Akta Pembaharuan Semula Bandar

Keuntungan Sebenar Terletak pada Kapitalis Pemaju

oleh Ilyas Husin



ta-mata, ianya merupakan sebahagian daripada kehidupan dan juga realiti penduduk, terutama di kalangan golongan emas. Atas nama keuntungan hartanah, hal ini langsung tidak dipedulikan oleh kerajaan dan kelas kapitalis. Ternyata ianya tidak mempunyai nilai dan kepentingan buat mereka.

Sektor perumahan merupakan hak yang perlu dikawal dan diurus seliakan secara demokratik oleh organisasi kelas pekerja. Rumah yang tidak terjual perlu diambil alih oleh kelas pekerja dan organisasi komuniti setempat serta diagihkan mengikut keperluan kedudukan kelas pekerja. Sebuah program perumahan yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah perumahan yang tidak terjual dan juga keadaan perumahan di kawasan bandar yang sudah usang dan terbengkalai. Sebuah rencana yang tidak lagi mengikut logik syarikat pemaju swasta dan keuntungan hartanah perlu disediakan secepat mungkin dan dipimpin oleh organisasi dan perwakilan kelas pekerja dan komuniti setempat.

Sebuah negara seharusnya mampu untuk menyediakan hak perumahan yang selesa—komuniti yang bebas jenayah, dilengkapi dengan fasiliti yang berkualiti tinggi, persekitaran yang aman dan bersih serta peluang pekerjaan di kawasan setempat atau pun kemudahan pengangkutan

yang efisien untuk ke tempat kerja. Namun selagi struktur pemilikan tanah dan perumahan kekal dalam cengkaman kapital, tidak akan ada penyelesaian yang konklusif bagi isu perumahan kelas pekerja. Begitu juga selagi mana industri-industri ekonomi yang utama seperti kewangan, pembangunan dan pembinaan yang selama ini menjadi sebahagian daripada ekosistem perumahan yang mengangkat kepentingan kapitalis—selagi itulah persoalan asas yang membelenggu isu kelas pekerja tidak akan dapat diselesaikan.

Kerajaan yang pro-pekerja hanya dapat dilaksanakan apabila kelas pekerja, melalui pembinaan gerakan politik seperti parti pekerja massa yang revolusioner mengambil alih kerajaan sedia ada dan menggubal akta-akta baru yang lebih berpihak kepada kelas pekerja serta menggunakan segala apparatus untuk memastikan kepentingan ini terus dibela dan kekal.

Ini, tidak dapat tidak, hanya mampu dilaksanakan dalam sebuah sistem yang baru—yakni sistem sosialisme, sebuah sistem yang dirancang secara demokratik oleh kelas pekerja dan dipimpin secara demokratik melalui kepimpinan yang dilantik di kalangan kelas pekerja itu sendiri. Hanya dengan cara itu, segala muslihat dan helah kelas kapitalis melalui penggubalan akta seperti URA dapat ditepis. ■

Kelas Pekerja Wajar Menolak Peningkatan Umur Pencen

Tuntut Hak Bersara yang Adil dan Bermaruah

oleh Qira

Kelas pekerja wajar menolak cadangan Menteri Perundangan dan Reformasi Institusi, Azalina Othman untuk meningkatkan usia bersara dari 60 ke 65 tahun. Disebalik cadangan ini tersirat alasan untuk menepis krisis hari tua yang semakin mengancam masa hadapan negara.

Pada waktu ini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan kri-

sis dalam servis kesihatan awam sedang menjadi isu utama dalam negara. Menurut laporan daripada Khazanah dan KWSP pada tahun 2024, hanya 36% ahli KWSP mempunyai simpanan sebanyak RM 240,000 pada umur 55 tahun. Dan itu hanyalah simpanan asas untuk membolehkan pesara bertahan untuk kira-kira 15 tahun. Ini belum ambil kira kadar inflasi



dan kos sara hidup yang semakin meningkat kebelakangan ini. Ditambah lagi dengan kos perubatan yang semakin meningkat dengan mendadak.

Kesatuan sekerja seharusnya mampu memainkan peranan untuk membina perjuangan menentang penindasan sistemik terhadap kelas pekerja. Namun situasi hari ini pihak kesatuan gagal memberikan kepimpinan untuk mendedahkan agenda pemotongan terhadap pesara oleh kerajaan

kapitalis yang hidup dalam realiti yang berbeza dari kelas pekerja yang majoriti darinya hidup sederhana atau sekadar cukup makan. Jurang antara kaya dan miskin ini ketara dapat dilihat daripada jurang purata gaji CEO berbanding pekerja biasa iaitu hampir 150% perbezaan. Ini bermaksud bukan saja mereka tidak terkesan dari turun naik harga barang akibat inflasi, tetapi kehidupan hari tua mereka juga telah terjamin.

Adilkah layanan terhadap kelas pekerja yang selama ini telah memastikan keuntungan untuk kelas majikan dan negara namun di anak tirikan dalam pengagihan keuntungan ekonomi untuk hidup aman selepas bersara atau bersara mengikut keperluan pekerja?

Tuntutan hak bersara yang adil untuk kelas pekerja memerlukan sebuah perjuangan diluar kerangka dan logik sistem kapitalis yang mementingkan kelas majikan.

Sebuah perjuangan kelas pekerja yang tersusun melalui kesatuan yang mandiri dari kepimpinan elit birokratik mampu membina perjuangan menghancurkan penindasan sistemik terhadap kelas pekerja dan agenda kelas kapitalis seperti neo liberalisme yang mengancam hak-hak awam seperti hospital, mahupun akta yang melindungi kelas pekerja.

Demi sebuah masyarakat yang lebih aman dan progresif melalui sistem ekonomi dan politik demokratik sosialisme! ■

Kes Zara Qairina

Penyelesaian Tuntas Terletak pada Kepimpinan yang Berprinsipkan Perjuangan Hak Kelas Pekerja

oleh Qira



Gambar: Free Malaysia Today

Solidariti Pekerja mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa Zara Qairina dan turut bersolidariti dalam usaha untuk menegakkan keadilan untuk Zara Qairina. Bagi kami pemergian seorang anak yang cukup disayangi dan pelajar yang berpotensi di sekolah disebabkan buli, atau apa jua keadaan yang berisiko sehingga meragut nyawa seharusnya dapat dielakkan sejak dari awal.

Kes Zara Qairina pada dasarnya telah mendedahkan krisis sosial yang wujud dalam masyarakat. Kes yang melibatkan konflik di kalangan pelajar sehingga mengancam nyawa dan keselamatan bukan kes baru di negara kita. Seperti kes kematian Zulfarhan Osman Zulkarnain, seorang pelajar Universiti Pertahanan Awam (UPNM) yang disiksa sehingga mati oleh rakan-rakan kolej disebabkan perselisihan faham, merupakan antara kes yang telah menggemparkan

negara. Walaubagaimanapun, kes Zara Qairina telah mencetuskan sebuah gerakan #keadilanuntukZaraQairina terutama di negeri Sabah melibatkan lebih puluhan ribu rakyat. Ini membawa ekspresi rakyat bahawa krisis sosial di Sabah yang mendalam dan rakyat di negeri Sabah mendesak kerajaan mengambil perhatian serius. Ini termasuk gerakan di semenanjung yang menyatakan solidariti turut menuntut pihak kerajaan mengambil langkah yang menyeluruh terhadap keselamatan pelajar di institusi pengajian.

Melalui desakan dari rakyat, kerajaan telah membuat pindaan terkini dengan memperkenalkan seksyen baru, iaitu 507B hingga 507G, yang merangkumi kesalahan berkaitan buli dan gangguan, termasuklah ugutan melalui komunikasi, gangguan emosi dan doxing. Selain itu peruntukkan sebanyak RM 3 juta telah diumumkan baru-baru ini untuk me-

masang CCTV di sekolah-sekolah berasrama penuh. Sebanyak 200 sekolah terpilih akan diutamakan mengikut bilangan murid secara berperingkat. Pihak menteri juga turut mencadangkan untuk mewujudkan tribunal khas bagi mengendalikannya kes buli. Sementara sekolah MARA telah memulakan inisiatif melantik pesara polis dan tentera sebagai warden dikatakan bertujuan untuk menanam disiplin di kalangan pelajar. Sememangnya sebarang inisiatif untuk membanteras gejala buli oleh kerajaan amat dialu-alukan. Walaubagaimanapun persoalan limitasi yang wujud dalam inisiatif yang diperkenalkan wajar diketengahkan.

Seorang pelajar tidak boleh sewenang-wenangnya dilabel 'bermasalah', mahupun penyelesaian gejala buli hanya tertumpu di sekolah, kerana gejala buli merupakan isu sosial yang memerlukan keterlibatan dan tanggungjawab sosial untuk membanterasnya. Jika kita teliti pendapat pakar psikologi dan kaunseling kanak-kanak serta remaja, punca gejala buli melibatkan keretakan sokongan sosial yang lebih luas — hubungan antara ibu bapa, guru dan tempat-tempat untuk bersosial dengan sihat dan selamat, seperti perpustakaan awam, tempat beriadah, pusat kemahiran, juga pusat khidmat kaunseling dan nasihat. Tetapi dalam masyarakat yang dipimpin oleh kerajaan kapitalis, sokongan-sokongan sosial yang dapat memupuk keprihatinan di kalangan masyarakat seperti kempen kesedaran berjiran, keluarga bahagia, mahupun kemahiran bersosial yang sihat di kalangan pelajar, hampir tidak kedengaran. Ini juga melibatkan isu sistem pendidikan negara yang tidak mendapat peruntukkan secukupnya. Apatah lagi dalam dunia yang serba mudah untuk mendapatkan maklumat melalui teknologi dan media sosial. Kes-kes yang melibatkan buli melalui media sosial sehingga

menyebabkan krisis mental di kalangan anak muda dan remaja semakin meningkat.

Kerajaan kapitalis seperti kerajaan perpaduan yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim pada dasarnya tidak mempunyai 'nafsu' atau semangat yang mendalam untuk mengambil sebarang inisiatif yang benar-benar konkrit. Hak-hak awam seperti perpustakaan negara dan pusat khidmat masyarakat yang tidak memberikan keuntungan kepada ekonomi kapitalis bukanlah satu keutamaan bagi kerajaan ini. Ini menjawab persoalan mengapa kerajaan harus didesak melalui gerakan seperti #keadilanuntukZaraQairina baru lah mereka memperlakonkan reaksi yang kononnya peduli. Namun sebenarnya mendedahkan agenda untuk melindungi kepentingan politik masing-masing. Kes Zara Qairina memerlukan perubahan sistemik terutamanya dalam sistem pendidikan negara dan diiringi sokongan sosial dalam masyarakat yang prihatin serta sensitif terhadap gejala anti sosial antara masyarakat. Kerajaan yang hanya mementingkan agenda keuntungan harus dikekang melalui tekanan masyarakat yang melibatkan susunan tenaga kerja di sekolah seperti guru, kaunselor dan sebagainya bersama solidariti rakyat.

Kesatuan-kesatuan guru seperti Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia mahupun Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES) seharusnya memainkan peranan yang penting dalam gerakan yang muncul daripada kes Zara Qairina.

Namun birokrasi kesatuan ini telah terdedah dengan peranan pasif yang dimainkan dan perlunya sebuah kesatuan guru yang lebih progresif dan mandiri serta mampu menjadi suara tenaga kerja di sekolah dan masyarakat setempat. ■



DAPATKAN INFO
 DAN ANALISIS
 TERKINI DI SALURAN
 WHATSAPP
 SOSIALIS ALTERNATIF

Sosialis Alternatif berkempen untuk membawa satu perubahan sosialis di Malaysia dan antarabangsa di mana masyarakat akan diorganisasi secara demokratik untuk menampung keperluan sejagat dan bukannya berpaksikan kepada nafsu keuntungan segelintir kapitalis. Kami pada ketika ini sedang melibatkan diri dalam kempen bagi meningkatkan penglibatan anak muda dan warga pekerja dalam pembinaan politik kelas pekerja sebagai alternatif kepada politik pro-kapitalisme yang dicanangkan oleh BN dan Pakatan.

Ini adalah sebagai landasan ke arah membentuk satu masyarakat berbilang kaum dan agama yang mampu berkongsi kekayaan dan pembangunan negara bersama secara demokratik serta memelihara alam sekitar untuk keharmonian dan kesejahteraan sejagat. Anak muda dan kelas pekerja perlu bergabung dan meningkatkan perjuangan untuk membina alternatif kepada sistem kapitalisme. Sosialis Alternatif juga berhasrat untuk membina solidariti antarabangsa di kalangan anak muda, kelas pekerja dan golongan tertindas yang lain melalui pembinaan sosialis Internasional.

**BERJUANG
 BERSAMA-SAMA
 KAMI.**

**SERTAILAH
 PEMBINAAN
 PARTI PEKERJA.**

**SERTAILAH
 PERJUANGAN
 SOSIALISME
 DEMOKRATIK!**

Cukai SST

Tidak Mampu Menyelesaikan Krisis Ekonomi Kelas Pekerja

Pekerja Bangkit Berjuang Demi Hak Pengagihan Ekonomi yang Lebih Adil!

oleh Liam

Cukai SST *Sales and Service Tax* iaitu cukai perniagaan dan servis telah bermula sejak 1 Julai yang lalu. Cukai jualan akan dikenakan ke atas barangan secara berperingkat — kadar 5 peratus untuk barangan terpilih dan 10 peratus untuk barangan mewah serta barangan bukan keperluan.

Sementara itu, cukai perkhidmatan telah dinaikkan daripada 6 peratus kepada 8 peratus dan diperluaskan kepada kategori baru seperti logistik, penyewaan komersial, penyelenggaraan seperti bangunan komersial, pendidikan swasta, dan perkhidmatan

peribadi.

Perubahan ini, yang diumumkan di bawah Belanjawan 2025, dikatakan bertujuan untuk menampung perbelanjaan subsidi yang semakin meningkat. Menurut kerajaan, cukai SST akan meningkatkan hasil tambahan tahunan negara sebanyak 3 hingga 5 billion ringgit. Menurut kerajaan juga langkah ini dianggap tepat pada masanya, memandangkan keuntungan dalam pasaran barangan mewah Malaysia dianggarkan bernilai 2.5 billion ringgit (AS\$560 juta) pada tahun 2025 dan kononnya dijangka terus berkembang dalam tahun akan



datang. Hujah kerajaan, dalam situasi inflasi pasaran global seperti peningkatan kos kesihatan, cukai SST menyasarkan golongan kaya berbanding rakyat biasa dan miskin.

Namun impaknya pasti akan turut dirasai oleh kelas pekerja dan peniaga-peniaga kecil. Misalnya cukai SST yang dikenakan ke atas sekolah swasta dan servis kesihatan, hakikat kelas pekerja yang terpaksa bergantung dengan perkhidmatan swasta adalah disebabkan kerajaan tidak menyediakan keperluan asas ini secukupnya.

Pusat jagaan untuk pendidikan awal kanak-kanak misalnya, walaupun pihak kerajaan tidak mewajibkan prasekolah, tetapi jumlah kanak-kanak yang didaftarkan untuk pendidikan di prasekolah mencecah 90% daripada jumlah populasi kanak-kanak dalam negara. Ini menunjukkan keperluan yang mustahak bagi kerajaan untuk membina prase-

kolah awam bagi memenuhi keperluan institusi keluarga terutama kelas pekerja. Ini termasuk bagi peniaga kecil yang terpaksa berhadapan dengan peningkatan kos harga sewa bagi lot komersial yang mana peningkatan kos pasti akan dialihkan kepada pengguna yang majoritinya kelas pekerja. Bagi kami Solidariti Pekerja, pada prinsipnya menyokong untuk mengenakan cukai ke atas golongan kaya. Namun hasil yang diperoleh harus diagihkan seadilnya untuk kepentingan semua.

Tetapi krisis hak awam yang wujud pada waktu ini seperti krisis sistem kesihatan, sistem pendidikan yang tidak dapat menampung keperluan populasi serta keperluan pengangkutan awam bagi kelas pekerja menunjukkan keutamaan kerajaan kapitalis dalam mengurus belanja cukai rakyat selama ini — yang kemudian legasinya disambung oleh kerajaan kapitalis pimpinan Anwar Ibrahim.

Cukai SST atau apa jua bentuk cukai yang dilancarkan dan dikelola oleh kerajaan kelas kapitalis tidak akan mampu memberikan sebarang penyelesaian yang memihak pada kelas pekerja. Keutamaan perbelanjaan seringkali diberikan untuk 'menarik pelabur asing' berbanding peruntukkan untuk kesejahteraan rakyat. Bagi kami Solidariti Pekerja segala urusan ekonomi negara harus diurus tadbir dibawah kepemimpinan kelas pekerja secara kolektif dan demokratik.

Hanya melalui cara ini wang dan hasil ekonomi negara dapat diagihkan dan digunakan sebaiknya selain mencegah ketirisan yang sering berlaku dalam sistem kapitalisme. Perjuangan yang berasaskan perjuangan kelas pekerja ini memerlukan sebuah pembinaan parti pekerja massa bersama dengan program perjuangan yang berprinsipkan kelas pekerja untuk membina sokongan di kalangan rakyat biasa. ■

Hak Milik Rakyatkan Petronas di Bawah Pengurusan Demokratik Kelas Pekerja

oleh Qira



Gambar: Biz Asean

Gelombang Pemberhentian Pekerja di Indonesia

Sritex Muflis—Berpuluh Ribuan Pekerja Kehilangan Pekerjaan

oleh Ilyas Husin

Pada Oktober 2024, syarikat tekstil gergasi Indonesia—PT Sri Rejeki Isman (Sritex)—telah diisytiharkan muflis oleh Mahkamah Indonesia. Kemuflian ini mencetuskan gelombang pemberhentian kerja serta-merta yang melibatkan lebih 10,000 hingga 11,000 pekerja, majoritinya dari kalangan kelas pekerja wanita. Namun jumlah sebenar yang terkesan diyakini jauh lebih besar, kerana Sritex merupakan pusat kepada ekosistem ekonomi yang luas di Jawa Tengah. Dengan rangkaian pembekal, kontraktor dan perniagaan kecil yang bergantung padanya, jumlah keseluruhan mereka yang kehilangan punca rezeki mungkin sahaja mencecah seramai 50,000 pekerja.

Sritex, yang ditubuhkan pada tahun 1978, pernah menjadi simbol kebangkitan industri tekstil nasional—membekalkan pakaian kepada jenama-jenama antarabangsa seperti H&M, Uniqlo, malah seragam tentera NATO. Namun keruntuhannya mencerminkan percanggahan struktur

kapitalisme Indonesia, khususnya sektor pembuatan yang semakin lemah berikutan polisi liberalisasi ekonomi yang tidak terkawal.

Penutupan Sritex berkaitan rapat dengan krisis struktural yang telah lama menghakis keupayaan industri tempatan. Sejak penguatkuasaan Permendag No. 8 Tahun 2024, pelonggaran peraturan import membuka ruang kepada lambakan tekstil murah dari China, Vietnam dan Bangladesh. Industri tempatan yang tidak dilengkapi dengan inovasi teknologi dan sokongan dasar yang kukuh tidak mampu bersaing, lalu memilih jalan pintas melalui pemberhentian besar-besaran terhadap tenaga kerja.

Pada masa yang sama, sikap kepimpinan kesatuan buruh mendedahkan ketidakmampuan yang nyata dalam menghadapi krisis ini. Tidak ada usaha untuk menyusun kelas pekerja bagi menentang penindasan sebegini rupa. Said Iqbal dan pimpinan-pimpinan kesatuan utama lainnya tidak hanya gagal menentang, bahkan bersetuju serta berse-

kongkol dengan pemerintah dan kelas pemodal melalui inisiatif seperti Satgas PHK. Di saat puluhan ribu pekerja dipaksa keluar dari kilang, para birokrat buruh ini sibuk mempromosikan ‘solusi teknokratik’ seperti peningkatan kemahiran (*reskilling*) dan perpindahan ke sektor lain—tanpa menyentuh persoalan mendasar iaitu mengapa pekerja harus terus menanggung krisis yang bukan dicipta oleh mereka?

Satgas PHK hanyalah alat bagi menghalalkan krisis yang sedang berlangsung ketika ini, sebuah perisai ideologi bagi negara borjuis yang enggan memikul tanggungjawab melindungi kaum buruh dan tidak lebih daripada taktik kelas borjuis untuk mengalihkan perhatian buruh daripada tindakan kolektif kepada penyelesaian individual—mengasingkan, melemahkan, dan akhirnya memecah kekuatan kelas. Ianya juga berperanan untuk meredakan kemarahan dan kebangkitan kelas pekerja, bukannya untuk menyelesaikan persoalan pemecatan besar-besaran yang berlaku saban tahun. Sepertimana yang dilaporkan oleh Perhimpunan Sosialis Revolusioner, dalam tempoh Januari hingga Februari 2025 sahaja, lebih 60,000 pekerja telah diberhentikan—angka yang hampir menyamai jumlah keseluruhan sepanjang tahun 2024 iaitu 77,965 orang. Ternyata hal ini bukanlah sebuah krisis yang bersifat sementara, sebaliknya merupakan satu pola penghancuran tenaga buruh secara sistematik.

Apa yang sedang kita saksikan hari ini bukan hanya sekadar kegagalan ekonomi, tetapi turut mendedahkan kemuflian politik kepimpinan buruh yang telah menyerahkan mandat perjuangan kepada kekuasaan kapital

Petronas yang merupakan syarikat terbesar kerajaan Malaysia harus di hak milik rakyatkan di bawah pengurusan demokratik kelas pekerja. Objektif syarikat yang mengutamakan keuntungan daripada permintaan dalam pasaran bebas menjadi punca terhakisnya Petronas yang cukup dibanggakan satu ketika dahulu. Ini menekankan keperluan yang mustahak untuk menghapuskan objektif yang berasaskan sistem kapitalis dan menggantikannya dengan objektif untuk memenuhi kehendak dan keperluan rakyat. Seperti pengagihan subsidi untuk menambah baik infrastruktur awam, membekalkan tenaga asas untuk keperluan masyarakat dan hak bagi kelas pekerja untuk peluang pekerjaan serta kemahiran.

Kerugian telah memaksa syarikat untuk membekukan sebarang kenaikan pangkat dan kenaikan gaji dalam syarikat – semanganya isu gaji pekerja terutama pekerja kontrak dan jurang gaji antara CEO dan pekerja biasa yang berbeza sehingga hampir 150% harus dihapuskan sama sekali. Ini sekaligus dapat menghapuskan hierarki jawatan yang eksklusif dalam pentadbiran yang lebih mementingkan segelintir

dan kelas pemerintah yang mewakili kepentingan kapitalis. Di saat kelas pekerja dihimpit krisis yang benar-benar membebankan, golongan kapitalis terus memper tahankan kekayaan mereka tanpa langsung dipersoalkan dan dikritik secara langsung. Bagaimana dengan keluarga-keluarga kapitalis yang selama ini membolot kekayaan yang melampau di Indonesia? Bagaimana pula dengan keluarga Lukminto (salah satu keluarga kapitalis terkaya di Indonesia), yang memimpin Sritex menuju kehancuran, namun tidak langsung dipertanggungjawabkan atas krisis yang sedang berlaku ketika ini?

Malangnya, beban krisis akhirnya diletakkan di atas bahu kelas pekerja—mereka kehilangan pekerjaan, hak mereka dicabul, dan kebajikan mereka diabaikan. Kami menuntut industri-industri yang muflis mesti diambil alih oleh kelas pekerja, bukan dikembalikan kepada kapitalis atau dipulihkan demi keuntungan mereka semula. Industri yang sedang menghadapi krisis perlu dimiliki oleh rakyat di bawah pengawasan demokratik buruh, dan sistem pengeluaran harus disusun berasaskan keperluan rakyat, bukan logik keuntungan. Melalui pengawalan demokratik ke atas pengeluaran, masyarakat boleh melepaskan diri daripada anarki pasaran dan memastikan bahawa sumber ekonomi digunakan untuk memenuhi keperluan asas rakyat—terutamanya kelas pekerja—bukan untuk mengisi poket-poket para kapitalis.

Diterukkan lagi, bagaimana jalan penyelesaian seperti ini langsung tidak disebut, apatah lagi diperjuangkan oleh sosok seperti Said Iqbal mahupun oleh kelas pemerintah. Mereka tidak mampu membayangkan penyelesaian yang akan menggugat status quo kapitalisme, kerana mereka sendiri telah menjadi sebahagian daripada sistem yang meraih manfaat daripada penindasan terhadap kelas pekerja.

Dalam realiti hari ini, negara dan semua aparatnya tidak berkemampuan—dan tidak akan berkemampuan—untuk melaksanakan dasar-dasar yang berpihak kepada kelas pekerja, selagi mana

elit dalam syarikat berbanding pekerja.

Ini memerlukan sebuah perjuangan kelas pekerja yang tersusun melalui kesatuan yang mandiri dari sebarang pergantungan kepimpinan elit.

Golongan ini hanya mampu melihat solusi dalam kerangka sistem kapitalisme daripada mengambil perspektif rakyat biasa dan kelas pekerja yang telah membanting tulang dan berkorban masa.

Hak untuk menentukan hala tuju syarikat harus diberikan kepada kelas pekerja yang lebih memahami segala selok belok keperluan syarikat dan kemahuan untuk mengagihkan sumber dan keuntungan yang diperoleh seadilnya kepada rakyat biasa, bukan hanya melalui subsidi sedia ada tetapi juga memperkembangkannya untuk kegunaan-kegunaan yang lebih mementingkan masyarakat umum.

Kelas pekerja kuasa perubahan, ayuh bina perjuangan solidariti pekerja untuk sebuah sistem ekonomi yang lebih adil melalui hak milik rakyatkan sektor utama negara seperti petrol dan gas di bawah pengurusan kelas pekerja secara demokratik. ■

ia dikawal oleh lapisan eksekutif yang menikmati kekayaan dan kuasa hasil sistem kapitalisme. Justeru, pengambilalihan industri oleh kelas pekerja tidak boleh dipisahkan daripada persoalan perebutan kuasa negara. Negara yang hari ini berfungsi untuk menjaga kepentingan kelas kapitalis mesti dirampas dan dirobuhkan, agar sebuah negara baru yang berasaskan demokrasi kelas pekerja dapat didirikan—negara yang benar-benar melindungi kepentingan majoriti rakyat.

Di Indonesia, kewujudan Partai Buruh—satu kemajuan bagi kelas pekerja Indonesia, seharusnya berkemampuan untuk menyatukan kepentingan kelas pekerja sebagai sebuah kelas dan membawa kuasa politik kelas pekerja sebagai sebuah kuasa politik alternatif. Ini hanya mampu direalisasikan dengan memastikan kepimpinan partai menghentikan kompromi dan melindungi logik pasaran bebas yang hanya mementingkan kelas kapitalis.

Justeru ini memerlukan sebuah penentangan kepada kepimpinan sedia ada dan begitu juga, mendedahkan pengkhianatan para kepimpinan buruh yang bersekongkol dengan kelas kapitalis—penyekat tuntutan dan kebangkitan kelas pekerja itu sendiri.

Kemandirian kelas pekerja perlu dibela sepenuhnya dan perlu diperjuangkan seiring dengan objektif bagi membentuk sebuah negara yang dipimpin oleh kelas pekerja.

Krisis yang sedang dihadapi oleh kelas pekerja Indonesia bukanlah krisis terpencil. Ia adalah sebahagian daripada krisis umum kapitalisme global, yang memangsakan kelas pekerja di seluruh dunia.

Penyelesaian yang sebenarnya sama sekali tidak terletak pada sebuah kompromi di antara kelas kapitalis dan kelas pekerja, tetapi di dalam perjuangan bagi menghancurkan sistem yang menindas ini dan mendirikan Sosialisme—suatu sistem di mana hal-ehwal sosial dan ekonomi tidak lagi dikendalikan atas dasar keuntungan, tetapi berteraskan keperluan, kebajikan, dan kuasa demokratik kelas pekerja itu sendiri. ■



Gambar: The Jakarta Post

Suara yang Dibisukan

Lebih 1,000 Pekerja Bank Berhimpun di Putrajaya Menuntut Keadilan Sempena Hari Pekerja

oleh Kelvin



“Suara pekerja yang selama ini dibisukan” merupakan tema perhimpunan yang telah dianjurkan Persatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank Malaysia (NUBE) dan disertai oleh lebih seribu ahli di hadapan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sempena sambutan Hari Pekerja 1 Mei yang lalu.

Tema yang dibawa dalam perhimpunan bukan sekadar simbolik, tetapi satu ekspresi yang menunjukkan penindasan majikan menggunakan taktik kotor untuk membisukan suara pekerja yang menuntut dan melampaui batas hak berkesatuan. Jumlah penyer-taan sehingga 1,000 ahli kesatuan dalam perhimpunan 1 Mei sememangnya signifikan. Usaha yang dibawa oleh kepimpinan melalui siri piket dan protes yang disertai oleh 100–250 orang pekerja sebelum ini telah menunjukkan peningkatan sokongan terhadap

tuntutan kesatuan. Penindasan syarikat dan situasi ekonomi yang semakin membebaskan seperti kos sara hidup menjadi antara faktor peningkatan sokongan terhadap kesatuan sebagai “payung” perjuangan.

Antara tuntutan yang diangkat dalam perhimpunan NUBE adalah:

- Mengembalikan hak kesatuan yang telah dicabuli;
- Menamatkan campur tangan dalam urusan kesatuan;
- Menghentikan diskriminasi terhadap 15,000 ahli B40 dan M40 yang dinafikan bantuan perayaan sejak 2024;
- Menangani aduan gangguan seksual yang diabaikan;
- Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat Menteri Sumber Manusia Steven Sim dan 17 CEO bank yang didakwa melanggar undang-undang buruh tem-

patan dan piawaian antara-bangsa.

Setakat awal bulan Julai, tuntutan NUBE terhadap syarikat masih tergantung. Pihak kerajaan terutamanya KESUMA telah menggunakan pelbagai birokrasi untuk menangguh tuntutan pekerja beserta janji-janji kosong, malah terus bersekongkol dengan pihak majikan untuk menyekat gerak kerja kesatuan dan melemahkan perjuangan pekerja melalui pelbagai taktik kotor mahupun haram.

Menurut laporan terkini, Steven Sim telah berunding terus dengan Majlis Majikan Bank Malaysia (MCBA) tanpa melibatkan NUBE. “Ini bukan kecuai, ini pengkhianatan,” kata wakil akar umbi dan ahli jawatankuasa NUBE Perak yang biasa dikenali Bro Mohd Ariff. Menteri Sim juga didakwa mencabul hak rundingan Perjanjian Kolektif ke-20 (CA20) dengan merujuknya terus ke Mahkamah Perusahaan tanpa proses perundingan sebelumnya untuk mempercepat kehendak majikan, serta membatalkan MoU antara NUBE dan MCBA secara tidak sah.

Tindakan-tindakan union-busting dan anti-buruh yang datang dari kerajaan itu sendiri bukan sahaja melanggar Akta Perhubungan Perusahaan 1967, malah bertentangan dengan Konvensyen Organisasi Buruh Internasional (ILO) No. 98 yang menjamin kebebasan berunding secara kolektif, tanpa campur tangan kerajaan mahupun majikan di sebalik pekerja dan kesatuan.

Lantaran itu, Mohd Ariff menggesa bagi pihak NUBE untuk penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja ataupun *Royal Commission of Inquiry* (RCI), selari dengan tuntutan ke-5 tersebut. “Menteri bukan pengadil,” katanya. “Beliau kini sebahagian dari masalah.”

Kami menyahut dan menyokong kesedaran ini. Sememangnya kerajaan bukan entiti neutral dalam tuntutan untuk me-

nyebelahi hak pekerja. Misalnya dalam proses menentukan peningkatan gaji minimum, kerajaan lebih mementingkan kehendak kelas majikan dan kapitalis dalam menentukan gaji pekerja, sementara tiada satu pun perwakilan dari pekerja untuk menyuarakan gaji yang seadilnya. Sedangkan isu gaji adalah berkaitan dengan periuk nasi pekerja.

Kesedaran ini amat mustahak bagi perjuangan kelas pekerja hari ini. Pengalaman NUBE membuktikan bahawa institusi negara, termasuk kementerian yang sepatutnya melindungi hak pekerja, sebenarnya tunduk kepada kepentingan para pemodal dan berfungsi sebagai alat untuk mencengkam kekuatan kesatuan.

Sementara realiti ketidakadilan sistemik ini terus didedahkan oleh perjuangan NUBE yang masih sedang berlangsung, bukan sahaja pekerja-pekerja bank yang selama ini dibisukan suaranya. Hal ini serupa dalam kalangan pekerja di sektor-sektor lain seperti media dengan pengenalan teknologi AI yang menyaksikan lebih 600 pekerja syarikat TikTok dibuang kerja baru-baru ini tanpa sebarang pembelaan yang adil. Begitu juga dengan pekerja dalam sektor kesihatan, dan juga pekerja migran yang ditindas dengan teruk melalui jerat hutang kepada agen, kerja yang panjang, sukar, bahaya, dan kotor disebabkan syarikat ingin mengurangkan kos dan enggan melengkapkan operasi syarikat dengan teknologi untuk mengurangkan risiko bahaya di tempat kerja.

Penindasan yang dihadapi pekerja NUBE dalam menuntut hak, mempunyai banyak persamaan dengan penindasan pekerja yang turut bangkit berjuang. Terlalu banyak contoh kes-kes union-busting yang wujud di seluruh negara. Penswastaan, penstrukturan syarikat, mahupun pengenalan-pengenalan akta kesatuan yang bersifat bertindih sengaja diwujudkan untuk melemahkan

sebarang gerakan pekerja dan kesatuan.

Pada waktu ini, perjuangan pekerja NUBE terus dibisukan kelas majikan. Ini harus ditentang melalui seruan solidariti dan kerjasama kesatuan-kesatuan sekerja yang sedang aktif berjuang atas dasar membantah union-busting, dan menuntut perwakilan pekerja yang dipercayai serta secukupnya dalam kerajaan.

Perjuangan NUBE bukan perjuangan terpencil. Yang dihadapi adalah masalah sistemik berpunca dari sistem ekonomi kapitalis yang berasaskan persaingan merebut kekayaan dan pekerja adalah mangsa eksploitasi untuk keuntungan majikan. Adalah penting bagi kesatuan yang berjuang untuk menghubungkan tuntutan pekerja dari pelbagai sektor dalam satu rangka perjuangan agar memperluas dan menyatukan perjuangan pekerja sebagai satu kelas yang menentang sistem kapitalis yang hanya menguntungkan kelas majikan. Sepertimana yang diseru oleh NUBE sempena Hari Buruh: “Kami tidak hadir sebagai individu — kami hadir sebagai satu gerakan pekerja yang bersatu!”

Namun, perjuangan kesatuan tidak harus terbatas atas tuntutan-tuntutan yang berasaskan reform seperti gaji yang sesuai mengikut kadar inflasi, waktu kerja yang adil, dan hak berkesatuan — walaupun tuntutan ini amat penting, tetapi kelas pekerja sebagai satu-satunya kelas yang menggerakkan ekonomi secara kolektif, namun secara sistemik diasingkan oleh kelas kapitalis untuk menentukan pembahagian ekonomi.

Ini bermakna satu perjuangan menuntut hak milik negarakan sektor utama seperti bank di bawah jagaan kelas pekerja secara demokratik juga harus diangkat agar kemenangan pekerja dapat berkekalan dan membawa perubahan yang lebih progresif untuk masyarakat. ■

Penutupan kilang tayar Continental Kedah

950 pekerja hilang pekerjaan dan keperluan jaminan pekerja

oleh Ilyas Husin

Di Alor Setar, kilang yang telah dibuka semenjak tahun 1979 telah ditutup sepenuhnya. Kilang yang telah beroperasi selama 46 tahun ini memberhentikan 950 pekerja, yang kebanyakannya terdiri daripada pekerja operator. Malangnya kilang perindustrian yang selama ini menjadi nadi kehidupan buat kelas pekerja di Kedah tidak dapat lari daripada tekanan krisis ekonomi yang berlaku ketika ini.

Atas nama persaingan pasaran, kelas pekerja telah dijadikan mangsa. Kelas kapitalis dari syarikat gergasi multinasional Jerman ini tidak pernah mempedulikan nasib kelas pekerja di Kedah dan hanya melontarkan retorik-retorik perniagaan bagi mengesahkan penindasan ini.

Keputusan yang dibuat ini bukan hanya berlaku kepada pekerja di Kedah, tetapi turut memberi impak kepada pekerja dari negara yang lain. Impak pendigitalan yang sedang pesat berkembang ketika ini telah menekan syarikat Continental untuk menghentikan pengeluaran komponen enjin petrol dan diesel di tiga negara.

Syarikat ingin menutup perusahaan-perusahaan yang tidak

lagi menguntungkan dan ingin meminimumkan kos operasi serendah yang mungkin. Menurut laporan media, pada tahun ini syarikat Continental ingin membuang seramai 7,510 pekerja di seluruh dunia. Habis madu sepah dibuang, kelas pekerja diabaikan bagi memastikan syarikat gergasi ini dapat bersaing. Bahkan kes ini bukan kes yang terpencil, hal yang sama juga berlaku pada tahun 2024 di mana kilang Goodyear telah ditutup dan seramai 550 pekerja kehilangan punca pendapatan mereka.

Begitulah lumrah sistem kapitalisme yang sedang kita saksikan ketika ini. Kelas kapitalis sedang memikirkan cara untuk mengekalkan keuntungan mereka. Pada setiap krisis kelas pekerja yang akan dimangsakan terlebih dahulu. Walhal kelas pekerja yang menghasilkan segala kekayaan yang sedang kita nikmati ketika ini. Di antara tahun 2020 sehingga September 2024, seramai 293,639 pekerja di Malaysia telah kehilangan pekerjaan dan lebih daripada 75,000 datang daripada sektor pembuatan. Perkembangan ekonomi yang berpaksikan digitalisasi ini

akan mengakibatkan ramai kelas pekerja kehilangan punca pendapatan mereka. Pekerja operator mulai digantikan oleh mesin tanpa apa-apa jaminan yang lain.

Bagi meredakan situasi pembuangan kerja yang sedang berlangsung ini, kerajaan negeri hanya menawarkan sebuah program pamadaman pekerjaan melalui Pusat Pembangunan Bakat Kedah (KTDC) yang dihubungkan pula dengan prospek pembangunan di Kedah Rubber City, sebagai sebahagian daripada projek besar iaitu Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Namun program ini tidak memberi apa-apa jaminan, selagi mana asas perindustrian masih bermotifkan keuntungan dan dijadikan sebagai keutamaan buat kelas kapitalis.

Persoalan sama ada pekerjaan baru ini setimpal dengan apa yang pernah diperolehi mahupun lebih bagus masih tidak dijawab. Apatah lagi dengan situasi krisis ekonomi yang sedang kita hadapi ketika ini, pastinya syarat-

syarat pelaburan akan tertumpu kepada kepuasan kepentingan pemegang saham, pemilik modal dan juga kelas kapitalis. Tanpa adanya perbincangan polisi yang melibatkan kelas pekerja secara demokratik, selagi itulah sebuah program pro-pekerja tidak akan dihasilkan.

Bahkan pelan jangka panjang seperti “*The Greater Kedah 2050*” yang ingin mengangkat martabat negeri sebagai sebuah hab perindustrian yang berteknologi tinggi hanyalah sebuah cita-cita yang lompong tanpa adanya denyutan nadi kelas pekerja yang mengangkatnya dan mengerakkannya.

Ini juga tidak bermakna bahawa kita menolak kemajuan teknologi dan automasi. Teknologi berupaya untuk meringankan beban masyarakat dan berupaya untuk mengurangkan waktu kerja bagi kelas pekerja.

Namun sejarah mendedahkan bagaimana motif keuntungan adalah buat kelas kapitalis dan bukannya kepentingan kelas peker-

ja. Keuntunganlah yang menjadi penentu buat segala keputusan.

Ada upaya dan pendekatan yang dapat menjamin pekerjaan sedia ada dan pada masa yang sama, menggunakan teknologi yang baru bagi memudahkan lagi proses pengeluaran sesebuah barangan.

Namun ini memerlukan penentangan yang jelas dari kelas pekerja dan kepimpinannya untuk menolak logik pasaran bebas yang hanya mengutamakan keuntungan semata-mata.

Kemasukan pelaburan asing dari luar, tanpa adanya penentangan dan kuasa politik yang dapat menjamin keadaan pekerja yang bermaruah, hanya akan menjurus kepada sebuah situasi di mana kelas kapitalis akan menjadi lebih bebas untuk mengeksploitasi kelas pekerja di bawah restu kepimpinan kerajaan. Pembangunan perindustrian dan ekonomi yang kukuh hanya dapat dilaksanakan

bersambung ke mukasurat sebelah



sambungan dari muka sebelum

secara demokratik—melibatkan keseluruhan kelas pekerja beserta kepimpinan dan perwakilannya dalam menentukan hala tuju pembangunan yang berpihak

kepada komuniti setempat dan mengambil kira keperluan keseluruhan kelas pekerja. Kilang-kilang yang selama ini merupakan nadi kepada komuniti setempat dan juga menggerakkan pembangunan sesebuah daerah

perlulah diambil alih dan dikawal secara demokratik, walaupun ingin ditutup oleh syarikat atas alasan ‘rasionalisasi’ sekalipun. Ini memerlukan sebuah gerakan politik mandiri yang bangkit menentang dan menyusun tena-


ga dalam memastikan bahawa penindasan kelas kapitalis dapat dihancurkan dan digantikan dengan sebuah ekonomi yang saksama sifat—yakni sebuah aturan sosialisme yang berpihak kepada majoriti dan bukannya segelintir

kelas kapitalis sahaja. Krisis kapitalisme akan menghancurkan kehidupan kelas pekerja dan hanya melalui kepimpinan kelas pekerjalah sebuah perlawanan menentang kapital dapat dilakukan. ■

Ordinan Buruh Sabah dan Sarawak Diperkasa

Pekerja Lebih Dilindungi

oleh Qira



PERUBAHAN	SABAH (PINDAAN 2025)	SARAWAK (PINDAAN 2025)
Gaji minima	RM 1700 bagi syarikat lebih dari 5 pekerja, berkuat kuasa 1 Februari. Bagi syarikat kurang dari 5 pekerja, gaji minima RM 1700 mula berkuat kuasa pada 1 Ogos tahun ini.	
Waktu Kerja Mingguan	Dikurangkan dari 48 jam ke 45 jam seminggu – majikan wajib membayar pekerja sekiranya pekerja kerja lebih masa mengikut kiraan yang ditetapkan.	
Cuti Bersalin	Ditambah dari 60 hari ke 98 hari yang berbayar	
Cuti paterniti	Diberi pelepasan cuti 7 hari yang berbayar	
Waktu bekerja anjal	Pekerja boleh memohon dan majikan wajib menjawab dengan cara bertulis dalam tempoh yang munasabah	
Aduan Diskriminasi/ Gangguan Seksual	Diselaraskan mengikut Seksyen 81F–81H daripada pindaan Akta Buruh 1955 pada Januari 2023	
Hak perumahan	Diselaraskan mengikut Akta 446 – majikan wajib menyediakan kemudahan perumahan yang selamat dan bersih untuk pekerja yang memerlukan	
Larangan Buruh Kanak-Kanak	Diselaraskan mengikut Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 Akta 350	
Hak keselamatan di tempat kerja	Mengikut Seksyen 15 OSHA, majikan wajib menyediakan sistem kerja, mesin dan tempat kerja yang selamat, menjalankan HIRARC – <i>hazard identification, risk assessment & control</i> . Menyediakan maklumat, latihan & pengawasan keselamatan untuk pekerja, memastikan akses dan fasiliti kebajikan seperti tandas disediakan.	
Cuti Umum Wajib	Cuti 5 hari yang berbayar (termasuk “ <i>Malaysia Day</i> ”) iaitu - Hari Kebangsaan - Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong - Hari Keputeraan Yang di-Pertua Negeri Sabah - Hari Pekerja - Hari Malaysia	Cuti 6 hari berbayar (termasuk “ <i>Malaysia Day</i> ” dan “ <i>Sarawak Independence Day</i> ”) - Hari Kebangsaan - Hari Pekerja - Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong - Hari Keputeraan Yang Dipertua Negeri Sarawak - Hari Malaysia - Hari Kemerdekaan Sarawak
	Majikan wajib membayar pekerja mengikut kiraan yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk cuti umum wajib sekiranya pekerja bekerja pada hari cuti umum wajib.	

Sambutan Hari Pekerja 2025 menyaksikan satu lonjakan besar selepas kerajaan Sabah dan Sarawak mengumumkan penyelarasan Ordinan Buruh negeri tersebut dengan Akta Buruh 1955. Perubahan akan mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2025. Berikut maklumat ringkas perubahan yang telah dilaksanakan.

Majikan yang melanggar undang-undang buruh boleh dikenakan tindakan denda tidak kurang dari RM 10, 000 untuk setiap kes pekerja ataupun penjara paling kurang 2 tahun jika gagal memberikan kerjasama.

Perubahan ini harus disambut baik oleh pekerja, persoalannya kini adalah pelaksanaan oleh kelas majikan dan penguatkuasaan kerajaan terhadap majikan yang enggan memberi kerjasama.

Sudah tentu pekerja boleh melaporkan kesalahan undang-undang di Jabatan Tenaga Kerja daerah masing-masing, tetapi keculasan majikan untuk memberikan hak yang seadilnya dan sistem kerajaan yang birokratik adalah satu norma dalam sistem kapitalisme yang hanya mementingkan kelas majikan.

PENGUATKUASAAN AKTA KERJA 1955 YANG LEMAH

Mengikut laporan media utama pada tahun 2023, sejumlah RM 2.17 million kompaun telah dikenakan ke atas lebih 250 majikan atas kesalahan berkaitan pemotongan gaji tidak sah, gagal menyediakan kontrak kerja dan slip gaji, serta gagal mematuhi perintah gaji minima.

Apapun ini hanyalah laporan media utama. Kes-kes lain yang tidak dilaporkan seperti penyelewengan wang caruman KWSP pada tahun 2020 yang mana 1,278 majikan diambil tindakan undang-undang sivil atas tunggakan caruman melibatkan RM 40.07 juta jumlah caruman yang tertunggak. Daripada itu, 588 kes mendapat penghakiman mahkamah dengan jumlah RM 15.98 juta diperintahkan untuk dibayar.

Situasi bagi pekerja migran pula, meskipun Akta Buruh 1955 yang telah diselaraskan untuk pekerja migran sejak tahun 2012, syarikat Top Glove, antara syarikat pengeluar sarung tangan terbesar dalam pasaran global yang telah mengambil majoriti pekerja migran untuk menghasilkan produk telah dikenakan denda ataupun kompaun paling kurang RM 300 juta atas kesalahan yang berkaitan tempat tinggal yang gagal mengikut standard, tidak memberikan bayaran pada pekerja yang bekerja lebih masa, dan beberapa pekerja yang tidak dibayar gaji sehingga 3 bulan.

SOLIDARITI PEKERJA

Penindasan terhadap pekerja migran dan pekerja tempatan mempunyai punca asas yang sama iaitu eksploitasi kelas majikan untuk mengaut keuntungan semaksima mungkin.

Tidak dinafikan bentuk penindasan yang dialami pekerja migran dan tempatan adalah berbeza, namun penindasan sistemik seperti hutang kepada agen pekerjaan atau hutang isi rumah dan gaji minima yang tidak selari dengan kenaikan harga barang serta inflasi — penindasan dari kerajaan yang mementingkan kehendak kelas majikan dan kuasa pasaran bebas menunjukkan kaedah sistemik kelas majikan nasional dan luar negara untuk mendapatkan keuntungan dari eksploitasi pekerja.

Dan hakikatnya undang-undang buruh yang wujud dalam sistem pasaran bebas hanyalah asas untuk meregulasi eksploitasi kelas pekerja dalam pasaran bebas. Namun undang-undang buruh yang wujud kini bukan atas belas ehsan kelas kapitalis yang ‘sedar’ akan kerakusannya sendiri, tetapi melalui perjuangan pekerja yang menuntut hak yang lebih adil.

Sejarah hari buruh 1 Mei merupakan hari memperingati perjuangan pekerja yang berjuang menentang penindasan majikan hatta ditekan kelas kapitalis dengan brutal sejarah ini dapat ditelusuri daripada sejarah perjuangan pekerja Rusia 1917 yang berjaya membentuk kerajaan pekerja pertama di dunia dan mencetuskan inspirasi untuk kelas pekerja di seluruh negara untuk membentuk kerajaan pekerja yang berasaskan solidariti pekerja internasional.

Perjuangan ini telah merebak ke seluruh dunia termasuk di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun disebabkan birokrasi Stalin yang mempelopori idea kerajaan sosialis dalam satu negara pada tahun 1923, perjuangan pekerja internasional menjadi terbantut.

Namun saki baki perjuangan pekerja masih wujud dengan elemen-elemen sosialisme yang masih diguna pakai walaupun semakin merosot.

Seperti hak kesihatan awam dan kesatuan sekerja MTUC yang

lebih birokratik berbanding kesatuan PMFTU pada tahun 1940 an yang giat menyusun perjuangan pekerja menentang penindasan kelas kapitalis British yang bersekongkol dengan kapitalis nasional.

Oleh itu, limitasi yang wujud dalam Akta Buruh 1955 harus diangkat melalui perjuangan yang tersusun atas landasan solidariti pekerja yang ditindas bersama merentasi ‘kategori’ warganegara sama ada tempatan mahupun migran.

Perjuangan ini dapat dilaksanakan melalui pembinaan kesatuan di tempat kerja yang demokratik dan berasaskan tuntutan yang dapat menyatukan pekerja. Tambah pula kesatuan mampu menjadi badan untuk menggerakkan kempen kesedaran hak pekerja dan meningkatkan penguatkuasaan Akta Buruh 1955.

Keperluan untuk membina kesatuan di tempat kerja adalah keperluan yang mendesak untuk setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak yang mempunyai keunikan dan cabarannya sendiri.

Isu ‘*stateless*’ atau rakyat tanpa warganegara merupakan antara isu yang masih belum diselesaikan hingga kini terutama di Sabah walaupun negara telah bertukar kerajaan dan merupakan negeri terkaya dalam negara.

Rakyat tanpa dokumen ini sering kali lebih teruk ditindas dari segi gaji dan jenis pekerjaan yang berat, tempoh yang panjang dan berisiko.

Sebagai pekerja kita bukan saja harus melihat situasi ini atas dasar kemanusiaan tetapi memahami perpecahan yang wujud di kalangan kelas pekerja adalah satu kemenangan bagi kelas kapitalis untuk terus mengaut keuntungan semaksima mungkin.

Oleh itu, selain mewujudkan kesatuan di tempat kerja, limitasi dalam Akta Buruh 1955 dapat diangkat melalui perjuangan politik yang berasaskan prinsip hak pekerja.

Justeru sebuah parti pekerja massa yang dibina secara demokratik juga adalah satu keperluan yang amat mustahak untuk meningkatkan hak pekerja melalui undang-undang yang berpihak kepada pekerja dan mempertahankan hak sedia ada bagi kelas pekerja seperti hak kesihatan awam, pusat asuhan kanak-kanak, serta berjuang untuk meningkatkan hak-hak pekerja seperti penggubalan Akta Buruh 1955 secara demokratik oleh kepimpinan kelas pekerja yang dipilih dari kalangan pekerja itu sendiri.

Pekerja berhak untuk jaminan kestabilan ekonomi sebagai kelas yang menjana keuntungan negara dan autonomi politik untuk membentuk undang-undang hak pekerja.

Ayuh bina kesatuan di tempat kerja yang demokratik dan aktif bagi meningkatkan kesedaran hak pekerja dan membina parti pekerja massa yang demokratik untuk perjuangan masa hadapan kelas pekerja yang stabil, aman, dan bermaruah. ■

Pada 15 ke 25 Mei yang lalu seramai 190 pekerja Bangladesh di kilang acuan sarung tangan Mediceram Sdn Bhd di Nilai telah melancarkan aksi mogok.

Mereka menuntut bayaran gaji yang tidak dibayar, pemulangan penuh yuran pengambilan pekerja yang sangat tinggi, dan menghentikan intimidasi daripada majikan terhadap pekerja.

Pekerja melaporkan bahawa sejak dua tahun lalu pembayaran gaji diberikan secara tidak menentu.

Ada ketika syarikat sewenang-wenangnya membayar separuh atau satu pertiga daripada gaji. Seorang pekerja berkata, “apabila gaji akhirnya dibayar, keluarga kami sudah dalam krisis kewangan yang teruk dan hutang telah berganda.”

Ini telah memaksa mereka untuk meminjam semata-mata bagi membeli makanan. Syarikat juga secara rutin merampas passport dan enggan memperbaharui visa.

Kes pekerja Mediceram ini mendedahkan kira-kira 170 permit kerja tidak diperbaharui dan 35 pekerja dihantar pulang oleh syarikat tanpa notis—satu praktik klasik majikan memerangkap pekerja migran agar terus bekerja untuk syarikat sambil menjimatkan kos.

Jerat hutang terletak di pusat krisis ini. Dilaporkan semua pekerja di Mediceram telah diperdaya oleh ejen pengambilan yang tidak beretika.

Mengakibatkan mereka ter-

190 Pekerja Bangladesh Syarikat Mediceram Mogok Menentang Penindasan Kelas Majikan

oleh Liam



Gambar: Andy Hall

paksa menanggung hutang sebanyak RM 3,000 sebagai yuran pengambilan oleh sindiket buruh migran ditambah dengan faedah. Iaitu jika pekerja gagal membayar yuran kepada agen, hutang akan meningkat kepada RM 22,000 –

peningkatan mencecah 700%. Ini bermakna hampir RM 4.3 juta telah diperas daripada 190 pekerja, menjadikan mereka lebih miskin berbanding sebelum bekerja di Malaysia. Daripada menghapuskan yuran haram ini, pemilik

Mediceram hanya menawarkan bayaran balik dalam tempoh setahun.

Pekerja dengan tegas menolak penipuan ini dan menuntut bayaran balik penuh.

“Ini adalah hak asasi: kami

datang untuk mencari rezeki, bukan untuk menjadi hamba,” kata salah seorang pekerja dalam aksi mogok. Selepas tekanan pekerja, majikan akhirnya bersetuju untuk menubuhkan pasukan petugas dan membayar setiap pekerja RM 22,500 dalam tempoh lapan bulan — walaupun ini satu peningkatan, pekerja masih belum menganggap ini satu kemenangan penuh.

Namun bagi pekerja, aksi pekerja secara kolektif terutama melalui mogok dapat memberi tekanan terhadap majikan untuk memberi kemenangan kepada pekerja.

Kes penindasan terhadap pekerja Mediceram bukan satu isu yang terpencil dikalangan pekerja migran.

Pekerjaan 3D (*dirty, dangerous, difficult*) itu sendiri diketahui merupakan pekerjaan yang dilakukan dalam serba kekurangan seperti peralatan teknologi dengan upah yang rendah.

Ditambah lagi dengan penipuan sindiket agen pekerjaan yang menjatuhkan pekerja dalam kitaran hutang. Kezaliman ini harus dianggap sebagai satu penindasan terhadap seluruh kelas pekerja tidak kira warganegara.

Bukan hanya pada dasar moral tetapi secara objektif melihat perjuangan kelas pekerja memerlukan solidariti bersama untuk berjuang menghapuskan penindasan sistemik kelas majikan terhadap kelas pekerja seperti hak gaji minimum yang selayaknya. ■

Pemandu Bas Johor - Singapura Mogok Menuntut Hak Gaji yang Adil

oleh Qira



Gambar: Harian Metro

Pada Julai yang lalu, ribuan pekerja Malaysia yang bekerja di Singapura dan berulang-alik menggunakan bas terkandas di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan beberapa lokasi hentian bas utama untuk ke Singapura, apabila kira-kira 100 pemandu bas mogok.

Menurut laporan, tindakan mogok pemandu bas adalah disebabkan penyelarasan gaji baharu syarikat yang dilihat menganiaya pemandu.

Mereka mendedahkan penyelarasan gaji menyebabkan pengurangan gaji sehingga RM 800 ke RM 900 sebulan.

“Ini tidak termasuk syarat yang tidak masuk akal — penambahan perjalanan wajib daripada empat kepada lima” menurut pemandu. Pada waktu ini pihak Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil peranan untuk menyelesaikan kes pemandu.

Tindakan pekerja untuk melancarkan aksi mogok bukan saja


mendedahkan penindasan syarikat terhadap pekerja walaupun syarikat mendapat keuntungan saban tahun hasil dari kelas pekerja, ini juga turut mendedahkan kekuatan kelas pekerja apabila berjuang bersama.

Perjuangan pemandu bas untuk melancarkan aksi mogok sememangnya harus dicontohi untuk mendesak kelas majikan menghentikan penindasan terhadap pekerja, dan mampu membantah sikap kelas majikan yang tamak dan menindas.

Mogok sememangnya tindakan yang ditakuti kelas majikan. Apabila pekerja berhenti bekerja, keuntungan syarikat terhenti.

Dan apabila pekerja mogok nasional secara serentak, seluruh ekonomi kapitalisme negara terhenti — membuka potensi desakan yang lebih besar seperti hak gaji minimum yang lebih adil. ■

PENERBITAN SOLIDARITI PEKERJA



Melalui Penerbitan Solidariti Pekerja, kami di Sosialis Alternatif menyajikan karya-karya yang terlahir dari keperluan yang mendesak bagi memperjelaskan apa yang kami perjuangkan, dan apa yang mesti dibangunkan demi mengukuhkan politik pekerja yang berkuasa dengan diri sendirinya. Akhbar, risalah, buku, dan setiap terbitan kami tidak bertujuan menyampaikan maklumat semata-mata, tetapi dengan matlamat untuk menjadi cahaya yang menerangi jalan pembebasan kelas pekerja, mengukuhkan pemahaman akan cita-cita sosialisme serta jalan dan strategi untuk mencapainya. Antara keseimbangan teori dan amalan, terletaknya bimbingan ke arah sosialisme. Setiap ringgit yang diterima daripada jualan digunakan oleh kami untuk membangunkan gerakan pekerja untuk mengambil alih kuasa secara demokratik.




Tempah mana-mana terbitan kami melalui borang pesanan kami yang boleh diimbas melalui kod QR disebelah. Selamat melayari!

Pinjaman PTPTN Cecah Hampir RM40 Billion Awal 2025

Penyelesaian Reformis Gagal
Menangani Akar Krisis

oleh Fel



Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah mencecah hampir RM40 bilion sejak awal 2025, dengan RM11 bilion diklasifikasikan sebagai tertunggak.

Menurut laporan Ketua Audit Negara Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radhi. Beliau mencadangkan agar PTPTN mengetatkan kaedah kutipan bagi meningkatkan kadar bayaran balik pinjaman.

Pada 11 April 2025 dalam sesi “Temu Anwar” di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa isu ini boleh ditangani jika keluarga berpendapatan tinggi dikenakan cukai yang lebih besar.

Namun beliau mengakui bahawa langkah ini akan ditentang sambil menegaskan bahawa Ma-

laysia menawarkan subsidi antara yang paling murah hati di rantau ASEAN dan beliau tidak mahu terus mensubsidi golongan kaya Malaysia.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan Bertindak Ibu Bapa bagi Pendidikan (PAGE), Datin Noor Azimah Abdul Rahim mencadangkan beberapa langkah seperti potongan gaji automatik dan penyiaran nama peminjam culas untuk memberi tekanan dengan mewujudkan rasa malu.

Namun, penyelesaian menangani hutang yang membebankan ini gagal memahami situasi sebenar permasalahan krisis ini — iaitu sistem kapitalisme yang menjadikan keperluan masyarakat dan naluri sebagai manusia untuk mengembangkan idea, pemikiran, dan kemahiran dalam bentuk pendidikan dieksplotasi

sebagai satu komoditi di dalam pasaran — bersama ilusi semakin tinggi tahap pendidikan, semakin baik jaminan pekerjaan dan taraf kehidupan.

Bagi mereka yang kurang berkemampuan dari segi ekonomi, pinjaman pendidikan PTPTN adalah jawapan selain meminta pinjaman dari keluarga ataupun kenalan terdekat.

Ditubuhkan pada tahun 1997 di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566), PTPTN bertujuan menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar institusi pengajian tinggi melalui pinjaman dan skim simpanan.

Ia wujud sejajar dengan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) yang membenarkan perkembangan pesat sektor pendidikan tinggi swasta. Ketika itu, PTPTN dipasarkan sebagai alat untuk menjadikan pendidikan tinggi lebih mudah diakses.

Dengan peningkatan bilangan pelajar di institusi awam dan swasta, PTPTN berubah menjadi mekanisme utama untuk kerajaan mengelak daripada melabur secara langsung dalam pendidikan tinggi.

Daripada memperluas pendidikan awam percuma, kerajaan menggalakkan generasi muda menanggung hutang peribadi demi membiayai pengajian mereka — sekaligus menyokong sistem pendidikan yang semakin dipacu pasaran dan diswastakan.

Perbincangan semasa mengenai PTPTN kini hanyalah sekadar wayang politik tanpa perubahan struktur.

Dalam kajian bertajuk “*Gaji Cukup Makan Economy: When Higher Education Becomes an Economic Risk*,” didapati lebih 65% pemegang ijazah di Malaysia memperoleh kurang daripada

RM3,000 sebulan, manakala lebih 70% graduan terpaksa bekerja dalam sektor separa mahir atau berkemahiran rendah.

Bank Dunia turut melaporkan bahawa lebih satu perempat pemegang ijazah di Malaysia bekerja dalam bidang yang tidak sepadan dengan kelayakan pembelajaran mereka.

Ini membuktikan dengan jelas bagaimana pendidikan telah dimodifikasikan dan dijadikan alat pengumpulan modal kapitalis.

Dengan merendahkan peruntukan kepada pendidikan awam dan mewujudkan PTPTN, kelas kapitalis mengaut keuntungan — pertama melalui pemotongan perbelanjaan kerajaan dalam institusi awam, kemudian melalui hutang pelajar yang dikenakan faedah, dan akhirnya graduan memenuhi pasaran buruh sebagai “pelatih” dengan gaji yang rendah.

Ini diburukkan lagi dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang menjadi halangan kepada mahasiswa dan ahli akademik dalam menyuarakan kesengsaraan mereka secara bebas. PTPTN adalah antara faktor yang menjadi punca masalah kewangan di kalangan anak muda — ia mempunyai akar dalam masalah politik yang berasaskan kehendak segelintir elit kapitalis.

PTPTN adalah hasil daripada dasar reformis selama beberapa dekad yang lebih mengutamakan keuntungan berbanding rakyat.

Untuk menamatkan kitaran hutang di kalangan anak muda yang akan menjadi sebahagian dari kelas pekerja, ia memerlukan sebuah gerakan politik yang berasaskan kepimpinan yang secara objektif mempunyai kemahuan politik untuk berjuang menghapuskan agenda kelas kapitalis dalam memansuhkan agenda keuntungan dalam sistem pendidikan.

Kepimpinan seperti ini hanya wujud di kalangan kelas pekerja yang secara objektif berada dalam kondisi penindasan sistemik oleh kelas kapitalis.

Isu hutang pada dasarnya merupakan isu sistemik di kalangan kelas pekerja di dalam sistem kapitalisme.

Belunggu hutang seperti hutang isi rumah terutamanya merupakan isu yang tidak asing bagi kelas pekerja — justeru isu hutang PTPTN bukan saja harus diperjuangkan sebagai perjuangan kelas pekerja tetapi perjuangan itu sendiri harus dipimpin di kalangan mereka sendiri.

Kerajaan Madani yang dipimpin Anwar telah melupakan janji mereka ketika menjadi pembangkang — ini menunjukkan kepimpinan yang reformis seperti Anwar Ibrahim patuh pada kehendak elit kapitalis untuk meneruskan PTPTN walaupun mengkhianati janji mereka sendiri.

Sebuah perjuangan politik untuk menghapuskan segala jenis beban hutang ke atas kelas pekerja harus diangkat semula oleh organisasi akar umbi seperti mahasiswa dan anak muda pada awal 2010, sebelum Anwar menjadi pemerintah dalam protes seperti “*Occupy Dataran*”, “*Mansuh PTPTN*” dan lain-lain.

Ini harus dijalankan bersama jalinan solidariti pekerja dan mengangkat kepimpinan mereka secara demokratik.

Termasuk usaha untuk membina parti politik pekerja massa sebagai platform perjuangan yang dapat menyatukan perjuangan kelas pekerja menentang agenda kelas kapitalis seperti meningkatkan gaji minimum dan memiliki negarakan institusi pendidikan swasta serta menghapuskan akta-akta yang menindas gerakan massa. ■

Penduduk Batu Arang Gusar Pembinaan Insinerator Menyebabkan Pencemaran

Perjuangan Komuniti Setempat Harus Dihubungkan
dengan Solidariti Kelas Pekerja

oleh Liam



Pihak kerajaan juga menggunakan taktik birokrasi dengan menukar status zon daripada zon kediaman kepada zon perindustrian berat tanpa mengambil pandangan kebimbangan penduduk.

Sesi libat urus awam pula didakwa hanya melibatkan penduduk terpilih atau kejiwaan ter-

tentu.

Protes di Batu Arang tidak boleh dilihat sebagai perjuangan yang asing dari tuntutan lebih besar untuk alam sekitar dan hak untuk hidup dengan aman dalam persekitaran yang bersih, dan selamat untuk penduduk.

Oleh itu keperluan untuk mem-

Loji insinerator di Batu Arang dikatakan membakar 2,400 tan sisa sehari daripada enam pihak berkuasa tempatan — Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Majlis Bandaraya Serdang Jaya (MBSJaya), Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Penduduk setempat melihat projek ini bukan sahaja menjejaskan kualiti udara, tetapi juga risiko kesihatan yang lebih mudarat.

Menurut kajian, bahan yang dilepaskan daripada insinerator yang membakar sisa pada suhu yang tinggi menghasilkan zarah halus, logam berat, serta bahan toksik seperti dioksin dan furan yang boleh tersebar melalui udara. Bahan mudarat ini boleh meningkatkan risiko kanser, penyakit pernafasan kronik, dan kerosakan sistem imun.

Lebih membimbangkan, Batu Arang adalah kawasan penempatan yang lama dengan infrastruktur yang semakin usang dengan komuniti yang padat.

Ini menjadikan penduduk di kawasan lebih terdedah kepada kesan risiko akibat pencemaran.

Selain itu, disebabkan Batu Arang merupakan bandar yang dibina di atas bekas lombong batu arang, risiko bahaya kebakaran dikatakan akan lebih buruk berbanding kebakaran di sebuah stesen minyak di Puchong, Jalan Putra Harmoni April yang lalu disebabkan kebocoran paip gas sepanjang 500 meter.

Kerosakan yang teruk, ditam-

bah dengan faktor lokasi kebakaran yang berdekatan dengan kawasan perumahan telah menelan kos kerugian sehingga RM 65 juta oleh kerajaan.

Ini juga menggambarkan betapa mudahnya api merebak dengan tidak terkawal.

Manakala Batu Arang pula merupakan kawasan penduduk yang dibina di atas bekas lombong arang batu, atas faktor ini, aktiviti pembakaran insinerator boleh membawa risiko kebakaran bawah tanah.

Arang batu yang masih tersisa di kawasan tersebut, merupakan bahan bakar yang lebih lama berbanding gas petroleum — juga bekas jaringan terowong yang boleh menjadi saluran tersembunyi bagi api atau haba dari proses pembakaran insinerator.

Situasi ini akan menyebabkan punca kebakaran dari bawah tanah sukar untuk dikesan, dikawal dan akan mengakibatkan kerosakan yang lebih luar biasa berbanding kejadian di Puchong.

Protes yang dianjurkan oleh penduduk mencerminkan keresahan mendalam terhadap isu alam sekitar dan kesihatan. Walaupun bagaimanapun penduduk Batu Arang menghadapi pelbagai halangan dalam usaha membantah projek insinerator.

Meskipun bantahan awam dan memorandum telah diserahkan, dan lebih 4000 borang bantahan dihantar kepada pihak berkuasa seperti Majlis Perbandaran Selayang, namun respon yang diberikan masih lemah dan tidak memuaskan.

bina jalinan bersama komuniti setempat atas dasar solidariti kelas yang di ‘anak tirikan’ dari segi kepentingan hak perumahan yang lebih bermaruah menjadi keperluan yang penting untuk memberi tekanan yang lebih kuat terhadap kerajaan. ■

PENDIDIKAN

- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej: Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Menuntut autonomi sepenuhnya kepada universiti dan kolej untuk mengeluarkan graduan kreatif untuk pembangunan keperluan rakyat biasa dan bukannya berpaksikan kepada keuntungan maksimum kapitalis.
- Tidak kepada penswastaan pendidikan termasuk pengkorporatan universiti dan kolej awam. Memiliknegarakan atau pemilikan awam segala entiti pendidikan daripada tadika hinggalah ke universiti dengan pembiayaan yang secukupnya untuk meningkatkan kemudahan dan kualiti pendidikan.
- Menyokong hak pekerja awam di bidang pendidikan, guru dan pensyarah untuk mempertahankan hak mereka dan autonomi pendidikan.
- Untuk mentransformasikan Persatuan Pelajar kepada Kesatuan Pelajar yang bebas, demokratik dan memperjuangkan hak dan keperluan pelajar.
- Untuk membentuk pendidikan yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan melalui pemilikan awam, dan ianya diuruskan secara demokratik dan percuma di semua peringkat - sistem pendidikan sosialis.

PEKERJAAN DAN KEBAJIKAN

- Menyokong perjuangan anak muda dan warga pekerja untuk hak pekerjaan.
- Hapuskan pengangguran dengan hak pekerjaan yang adil untuk semua.
- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hapuskan amalan 'outsourcing' dan buruh kontrak yang mengakis hak pekerja dan kesatuan sekerja.

- Peluang latihan yang adil untuk anak-anak muda dengan gaji saraan hidup, termasuk pekerjaan yang terjamin selepas latihan.
- Hentikan pembuangan pekerja di sektor awam atau swasta. Miliknegarakan syarikat yang mengancam penutupan, di bawah kawalan demokratik oleh kesatuan sekerja dan warga pekerja.
- Majikan harus memperuntukkan elaun perumahan, pengangkutan, makanan dan faedah-faedah lain yang diperlukan untuk kebajikan pekerja.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Pinjaman perumahan tanpa faedah oleh kerajaan untuk memastikan keluarga miskin memiliki tempat kediaman. Pinjaman perumahan kerajaan dengan faedah yang rendah harus diperluaskan kepada warga pekerja di sektor swasta.
- Membina tempat-tempat rekreasi awam percuma dan berkualiti kepada anak muda dan pekerja.

HAK DAN DEMOKRASI

- Mempertahankan hak untuk membantah dan berdemonstrasi. Tiada penganiayaan kepada penunjuk perasaan. Hak untuk berorganisasi di setiap sekolah, kolej dan universiti.
- Hentikan keganasan polis terhadap demonstrasi dan rakyat biasa.
- Tiada rasisme, seksisme, homophobia, dan semua bentuk diskriminasi.
- Pertahankan hak dan budaya semua minoriti termasuk orang asal.
- Hak pekerjaan, perumahan dan perkhidmatan tanpa diskriminasi kaum, agama dan jantina.
- Hentikan serangan ke atas hak-hak wanita.
- Wujudkan semula pilihanraya kerajaan tempatan di setiap daerah.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan

parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.

- Hentikan penswastaan perkhidmatan awam. Memiliknegarakan semula semua kemudahan awam dengan kawalan demokratik kesatuan sekerja dan rakyat biasa.
- Hentikan pemotongan subsidi dan mula merancang ekonomi berlandaskan keperluan rakyat, bukan keuntungan maksimum.

SOLIDARITI ANTARABANGSA DAN DEMOKRATIK SOSIALISME

- Untuk solidariti antara kelas pekerja dan anak muda di seluruh dunia.
- Solidariti dengan Perjuangan Anak Muda dan Pekerja di Timur Tengah/Afrika Utara untuk pembentukan kerajaan kelas pekerja dan petani miskin.
- Tidak kepada peperangan dan campur tangan imperialis. Untuk pengosongan segera semua tentera asing dari Afghanistan dan Iraq.
- Tamatkan kepungan Gaza di Palestin dan hormati hak pembentukan negara Palestin.
- Hentikan pembinaan peluru berpandu nuklear dan hapuskan segala senjata yang boleh memusnahkan alam.
- Menyokong kempen solidariti Tamil Sri Lanka - untuk hak semua rakyat untuk menentukan pilihan sendiri.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.

Sosialis Alternatif adalah sebahagian daripada pertubuhan sosialis dan kelas pekerja antarabangsa (*Committee for a Workers' International*) yang beroperasi di lebih 50 buah negara. Sosialis Alternatif berkempen menentang penindasan kapitalisme ke arah membentuk masyarakat yang berlandaskan demokratik sosialisme di Malaysia dan sedunia.

www.sosialisalternatif.org / www.socialistworld.net





KEMPEN GAJI MINIMUM

Gerakan pekerja dan anak muda untuk gaji minimum RM20 sejam!

Ketidaksamaan sosial dan ekonomi di Malaysia sudah mencapai kadar yang membimbangkan. Berikutan kemelesetan ekonomi global pada 2008, golongan kapitalis meneruskan kehidupan mewah mereka manakala majoriti kelas pekerja dan rakyat biasa masih bergelut dengan kemiskinan.

Laporan terbaru dari Institut Kajian Khazanah menunjukkan bahawa pandemik Covid-19 telah menyebabkan kemiskinan mutlak meningkat sebanyak 4.5% pada 2022; iaitu sebanyak 1.3% daripada 2019. Ini mendedahkan ketidakmampuan kerajaan untuk menyelesaikan masalah asas rakyat dan menyebabkan sebahagian besar rakyat miskin terus terperangkap ke dalam jurang kemiskinan. Diterukkan lagi, pengeluaran skim KWSP telah mengakibatkan sebahagian besar kelas pekerja tidak mempunyai simpanan yang cukup buat hari tua mereka dan meletakkan kelas pekerja di dalam situasi masa depan yang berisiko dan tidak stabil.

Laporan daripada badan kerajaan sendiri seperti Khazanah telah menunjukkan bahawa peningkatan gaji di Malaysia tidak setara dengan pertumbuhan produktiviti negara. Dari 2015 hingga ke 2022, peruntukan yang diagihkan untuk gaji pekerja telah menurun sebanyak 3% manakala untuk keuntungan korporat pula telah meningkat sebanyak 7%. Walaupun golongan pemodal atau kapitalis dilihat membuat untung berbillion-billion ringgit, rakyat biasa terus dibebankan dengan kenaikan harga barang dan pembekuan gaji.

Secara purata, setiap isi rumah kelas pekerja terpaksa membelanjakan kira-kira 44% daripada gaji mereka untuk membayar hutang. Pada tahun 2023, hutang isi rumah telah meningkat sebanyak RM 1.53 trillion - bersamaan 84.2% nisbah hutang dengan KDNK. Dengan beban hutang yang tinggi, rakyat Malaysia juga terpaksa menanggung kos pendidikan dan kesihatan yang semakin meningkat. Peningkatan kos perubatan Malaysia sebanyak 14% tahun ini telah mengatasi kadar purata Asia iaitu sebanyak 11.4%.

Walaupun rakyat Malaysia dengan jelas sedang bergelut dengan kenaikan kos hidup, kerajaan Malaysia, pihak pembangkang dan kapitalis-kapitalis korporat langsung tidak pedulikan nasib mereka. Tidak ada pihak yang berusaha memberikan penyelesaian ataupun jalan keluar bagi permasalahan yang sedang dihadapi. Golongan korporat dilihat menimbun keuntungan manakala kelas pekerja dan rakyat biasa sedang membanting tulang memperbaiki kehidupan mereka.

KAMI MENUNTUT KEADILAN SOSIAL DAN KEHIDUPAN YANG BERMARUAH UNTUK WARGA PEKERJA DAN ANAK MUDA!

Gaji minimum yang ditetapkan pada masa ini iaitu RM 1,500 sebulan adalah tuntutan yang sudah ketinggalan zaman. Malah jumlah ini adalah jumlah yang jauh lebih rendah berbanding jumlah saranan yang telah diberikan oleh Bank Negara Malaysia iaitu sebanyak RM 2,700 pada tahun 2018. Malah pada bulan September 2024, Perdana Menteri Anwar Ibrahim telah menetapkan kadar gaji minimum sebanyak RM 3,000 untuk semua pekerja di bawah Khazanah Nasional Berhad dan menyatakan harapan agar syarikat-syarikat swasta akan mencontohi tindakan syarikat pelaburan negara tersebut.

Walaupun pihak kerajaan sedang merancang dalam melaksanakan dasar gaji progresif - namun ini tidak akan memberi jaminan bahawa nasib kelas pekerja tidak akan ditindas oleh kelas kapitalis. Kerajaan kononnya ingin memainkan peranan selaku 'orang tengah' di antara kelas kapitalis dan juga kelas pekerja - namun realitinya, yang kekal diutamakan tetaplah keuntungan kelas kapitalis itu sendiri. Kerajaan telah memilih untuk mendengar hujah Persatuan Majikan Malaysia yang telah mendesak pihak berkuasa untuk mengurangkan kenaikan kadar gaji minimum dalam tekanan ekonomi dan sosial bagi majoriti isi rumah di Malaysia.

Manakala pihak pembangkang yang masih mendapat habuan elaun dan gaji yang selesa tidak pula merasakan keperluan untuk menuntut kenaikan gaji minimum yang adil bagi rakyat biasa. Kelas pekerja dan rakyat biasa harus sedar bahawa wakil-wakil parlimen tak kira dari PH atau PN hanya mementingkan kuasa dan keberuntungan kepada kepentingan kapitalis-kapitalis korporat.

PERJUANGAN KELAS UNTUK PERUBAHAN EKONOMI DAN SOSIAL!

Gerakan gaji minimum yang adil adalah untuk menjamin sebuah kehidupan yang bermaruah untuk kelas pekerja. Kempen ini merupakan perjuangan bagi mengangkat hak pekerja yang merupakan tulang belakang kepada pembangunan ekonomi dan sosial untuk negara. Gerakan untuk menuntut gaji minimum perlu mencerminkan masalah-

masalah rakyat yang berpunca akibat pembekuan gaji pekerja manakala harga barang dan perkhidmatan asas semakin meningkat.

Selepas mengambil kira pandangan pekerja dan anak muda dari pelbagai sektor dan latar belakang, kami menuntut gaji minima yang dikuatkuasakan sekarang harus digandakan supaya setara dengan kenaikan harga barang. Berlandaskan kepada maklum balas pekerja dan tekanan sosial dan ekonomi, gaji minimum haruslah sekurang-kurangnya RM 3,600 sebulan ataupun RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa mengira status, sama ada pekerja tetap atau separuh masa atau pekerja migran. Kami ingin menuntut RM 20 sejam bagi semua pekerja tanpa diskriminasi kaum atau jantina supaya pekerja boleh menikmati hidup yang bermaruah.

KE ARAH GAJI SARA HIDUP YANG ADIL!

Walaubagaimanapun, tuntutan atau kempen 'RM 20 sejam @ RM 3,600 sebulan' hanya merupakan langkah pertama dalam perjuangan ke arah gaji yang lebih setara dengan kerja yang dilakukan. Kadar gaji minimum tersebut juga harus berkembang mengikut kadar inflasi pada masa-masa tertentu. Setiap pekerja layak mendapat gaji sara hidup.

Perjuangan untuk gaji minimum RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan merupakan langkah pertama untuk mengenalpasti masalah kelas pekerja serta anak muda, dan mendorong mereka untuk membebaskan diri dari beban ekonomi.

Pada masa yang sama, banyak daripada pekerjaan bergaji rendah bukan saja menghadapi situasi pekerjaan yang tidak stabil dengan kontrak jam sifar di mana pekerja berisiko untuk dihentikan bila-bila masa, mereka juga dibayar mengikut kadar jam berbanding kadar bulanan yang dianggap lebih tetap, dan disertakan dengan faedah-faedah pekerja. Pekerjaan ini kebanyakannya dilakukan oleh golongan minoriti, pekerja imigran dan wanita. Maka perjuangan untuk RM 20 sejam @ RM 3600 sebulan adalah juga sebuah perjuangan bagi menuntut kesaksamaan sosial.

Sebuah gerakan pekerja dan anak muda harus dibina untuk mencapai tuntutan gaji minimum yang lebih adil. Gerakan ini adalah untuk memperkasakan kelas pekerja dan anak muda serta melibatkan mereka dalam

sebuah perjuangan menuntut perubahan.

Rangkaian aktivis dan organisasi progresif yang mempunyai hasrat yang sama harus bergabung untuk melebarkan perjuangan bersama. Anak muda, mahasiswa, pekerja profesional, kelas menengah dan golongan intelektual yang juga tertindas di bawah sistem kapitalisme harus bergabung tenaga dengan kelas pekerja dalam pembinaan gerakan ini.

KAMI JUGA MENUNTUT:

- Hapuskan polisi 'buruh murah' atau penghambaan pekerja, dengan mewujudkan gaji minimum atau gaji saraan hidup (living wage) yang setimpal dengan kenaikan inflasi.
- Hak penubuhan kesatuan sekerja tanpa sebarang sekatan undang-undang oleh kerajaan atau campurtangan majikan.
- Hak Pendidikan yang percuma dan berkualiti untuk semua termasuk di Universiti dan Kolej; Memansuhkan yuran pengajian di Universiti dan Kolej dan menghapuskan hutang pelajar termasuk PTPTN.
- Tidak kepada parti-parti yang berlandaskan kapitalisme. Berkempen untuk pembinaan parti massa kelas pekerja dan anak muda untuk mempertahankan hak dan kepentingan rakyat biasa.
- Tidak kepada kemusnahan alam sekitar. Bagi pelan yang mampan berlandaskan kepada demokratik sosialisme untuk industri pengeluaran yang tidak akan memusnahkan planet ini.
- Tidak kepada kapitalisme. Bagi dunia sosialis, di mana monopoli besar dijadikan pemilikan awam, dengan ekonomi yang dirancang secara demokratik dan sumber-sumber alam dipergunakan untuk memenuhi keperluan manusia sejagat.



SERTAI PERJUANGAN KAMI!

 /solidaritipekerja
/sosialisalternatif
 011-12859623